



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I **Bil. 5** **Hari Jumaat** **21hb Disember, 1990**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990)(No.2)
(Ruangan 33)

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada
Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan** (Ruangan 58)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 21hb Disember, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PENSWASTAAN SECARA "MANAGEMENT BUY OUT"

1. Dr. Nordin Selat minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah syarikat milik Kerajaan yang terlibat dengan penswastan secara "Management Buy Out".

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, "Management Buy Out" adalah merupakan satu kaedah penswastan di mana pihak pengurusan syarikat berkenaan membeli keseluruhan ekuiti syarikat itu. Buat masa ini terdapat 2 buah syarikat Kerajaan yang diswastakan melalui kaedah tersebut.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin bertanya dua buah syarikat yang disebutkan milik Kerajaan tadi itu apakah nama-nama syarikatnya?

Yang kedua, berapakah nilai modal syarikat itu dan berapakah harga yang telah diswastakan?

Ketiga, siapakah yang bertuah menjadi tuan punya syarikat yang baru itu?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat yang berkenaan ialah Kumpulan FIMA Sdn. Berhad yang mempunyai modal berbayar \$189,343,000.00. Harga jualannya ialah \$188,997,000.00, dan dijual kepada Tan Sri Bashir Ismail, Dato' Mohamad Nor Ismail dan Mohamad Fauzi Abdullah.

Syarikat yang kedua ialah PEREMBA Berhad. Modal berbayarnya ialah \$76,902,000.00. Harga jualannya ialah \$170,650,000.00. Mereka yang membelinya ialah Mohamad Razali bin Abdul Rahman, Hassan Abas dan Abu Bakar Mohamad Nor.

KEMALANGAN JALANRAYA

2. **Tuan V. K. Sellappan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya dan sejauh manakah tindakan-tindakan tersebut telah berhasil.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menjalankan berbagai program dalam mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini khususnya dalam tiga aspek utama, iaitu penguatkuasaan, kejuruteraan dan pendidikan. Berpandukan kepada aliran atau trend dalam tempoh tahun 1982 hingga 1989, bolehlah dikatakan bahawa kadar kemalangan telah menurun iaitu daripada 10.2 kematian bagi setiap 10,000 kenderaan pada tahun 1982 kepada 7 kematian bagi setiap 10,000 kenderaan pada tahun 1988.

Malangnya kadar kemalangan ini telah meningkat pula pada tahun 1989 iaitu kepada 7.4 kematian bagi setiap 10,000 kenderaan. Kerajaan telah mengiktiraf kemalangan jalan raya sebagai masalah nasional dan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Keselamatan Jalan Raya yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah ditubuhkan pada bulan April 1990. Jawatankuasa ini telah mengambil keputusan untuk menetapkan matlamat (target) mengurangkan kematian akibat kemalangan jalan raya ke paras 30% pada tahun 2000 iaitu menjadikan hampir 3.14 kematian bagi 10,000 kenderaan pada tahun 2000 dibandingkan dengan kadar 7.4 kematian bagi 10,000 kenderaan pada tahun 1989.

Dalam usaha mencapai matlamat ini, Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan, contohnya menambah bilangan anggota penguatkuasa, membeli alat penguatkuasaan, membaiki serta membina jalan raya dan menekankan pendidikan keselamatan jalan raya di kalangan pengguna-pengguna jalan raya. Aspek penyelidikan dan pengumpulan data yang tepat juga diberi penekanan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan No.3.

KUMPULAN PEMERHATI KOMANWEL - LAPORAN

3. Tuan Ng Peng Hay [di bawah S.0.23(2)] minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) mengapa kebanyakan ahli-ahli Kumpulan Pemerhati Pilihanraya terdiri dari pemerhati yang datang dari benua Afrika dan Asia dan tidak seorang pun yang mewakili negara-negara seperti New Zealand dan United Kingdom;
- (b) pandangan mereka terhadap perjalanan pilihanraya yang telah diadakan baru-baru ini;
- (c) mengapa Kerajaan Malaysia tidak mengumumkan laporan asal Kumpulan Pemerhati Pilihanraya tanpa ditapis atau di 'edit'; dan
- (d) apa kandungan yang dikhuatiri dalam laporan asal Kumpulan Pemerhati Pilihanraya sehingga ia perlu ditapis sebelum diumumkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman [Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kehadiran Kumpulan Pemerhati Komanwel untuk membuat pemerhatian ke atas perjalanan Pilihanraya Umum 1990 adalah selaras dengan keputusan CHOGM yang bermesyuarat di Kuala Lumpur pada tahun 1989.

Atas sifat-sifat keterbukaan dan semangat demokrasi yang diamalkan oleh Kerajaan Malaysia, Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad telah mengutus surat kepada Setiausaha Agung Sekretariat Komanwel, Chief Emeka Anyaoku menjemput Setiausaha Agung itu membuat pemerhatian ke atas perjalanan pilihanraya di Malaysia. Siapa mereka hendak hantar sebagai anggota Kumpulan Pemerhati tidaklah boleh kita menentukan. Itu hak Sekretariat Komanwel, memanglah tidak kena kalau kita jemput dan kita pula menentukan siapa-siapa anggota yang patut menjadi pemerhati. Kita tidak mahu mengamalkan cara yang diamalkan oleh pihak Pembangkang yang hanya bersetuju bila sesuai dengan kehendak dan selera mereka.

Kerajaan kita begitu yakin tentang amalan demokrasi di Malaysia dan kita pula tidak ada apa-apa yang hendak disembunyikan. Dan oleh kerana itu kita dipihak yang benar tidak pernah menyoal siapa yang menganggotai Kumpulan Pemerhati Komanwel.

Untuk soalan (b) Tuan Yang di-Pertua, seluruh anggota Pemerhati Komanwel yang terdiri daripada 12 orang telah menyatakan puas hati terhadap proses pilihanraya. Pilihanraya negara kita telah dikendalikan dengan bebas dan adil, dengan mematuhi Perlembagaan Negara.

Di antara ulasan-ulasan Kumpulan Pemerhati ialah:

- (i) Mereka telah mendapat kerjasama yang baik ketika melaksanakan tugas-tugas mereka sebagai Pemerhati Pilihanraya.
- (ii) Proses penamaan calon telah berjalan dengan lancar dan teratur.

- (iii) Proses pengundian berjalan dengan lancar, teratur dan cekap. Pemilihan tempat-tempat mengundi adalah baik, peralatannya cukup dan penerangan yang jelas telah diberi kepada pegawai dan kakitangan yang bertugas serta wakil-wakil calon. Dan proses pengiraan undi telah dijalankan dengan teratur dan kemas dengan mematuhi kepada peraturan-peraturan dan prosedur serta diawasi oleh pegawai-pegawai yang bertugas serta calon atau wakil calon.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil salah satu daripada laporan rangkaian daripada apa yang dikatakan oleh pihak pemerhati dalam bahasa Inggeris.

"At every stage of our observations we were struck by their high degree of political awareness and their attachment to things Malaysian which is best for the country. The existence of a large number of political parties and other groups and the turn-out of the polls seemed to us to point out clearly to a deep commitment to the political process of shared responsibility and freedom of choice."

Jadi nyata sekali dalam pilihanraya keputusan atau rumusan yang dibuat secara keseluruhannya oleh Pemerhati Pilihanraya Komanwel menunjukkan yang pilihanraya kita telah dijalankan dengan demokratik, bebas dan adil. Tetapi di antara pandangan-pandangan yang mereka telah berikan termasuklah beberapa aspek yang kita anggap kurang tepat dan mungkin memberikan gambaran yang tidak jelas. Aspek-aspek yang mereka telah memberi komen ialah seperti berkenaan liputan akhbar yang diberikan seolah-olah liputan akhbar berat sebelah. Pada pandangan Kerajaan, liputan akhbar ini telah dibuat dan dirumuskan oleh pihak pemerhati tanpa melihat segala liputan akhbar sama ada di akhbar Cina ataupun di akhbar berbahasa lain ataupun di akhbar-akhbar yang dipunyai oleh parti-parti Pembangkang. Oleh itu kita telah memberikan penjelasan kepada apa yang mungkin dianggap tidak tepat.

Begitu juga di dalam laporan itu mereka telah menyentuh berkenaan masa diberikan untuk berkempen seolah-olah masa ini telah menjejaskan kedudukan Pembangkang. Pada perhatian Kerajaan jika ia menjejaskan mana-mana pihak ia juga akan menjejaskan pihak Kerajaan dan masa berkempen selama 10 hari mengikut peruntukan undang-undang

itu adalah berasaskan kepada kita mahu melihat keamanan dan mengelakkan negara kita daripada berlakunya kejadian yang telah kita alami pada 13hb Mei, 1969 di mana pihak Pembangkang setelah memenangi kerusi yang lebih, mereka telah mengadakan perarakan yang menyebabkan kemarahan dan akhirnya pertumpahan darah dan menjadi sejarah hitam di dalam negara kita.

Jawapan kepada soalan (c) Tuan Yang di-Pertua, berkenaan mengapa Kerajaan Malaysia tidak mengumumkan laporan asal Kumpulan Pemerhati. Saya fikir ini mungkin ada salah faham berkenaan dengan ini. Kita telahpun mengedarkan Laporan Pemerhati ini dengan secara penuh tanpa diedit, tanpa ditapis. Untuk mengelakkan apa-apa tohmahan yang kita menapis atau cuba mengedit, komen daripada pihak Kerajaan telahpun dikeluarkan sebagai satu buku yang berasingan supaya kita boleh membaca kedua-duanya dan membuat penelitian sendiri.

Berkenaan soalan (d), apakah kandungan yang dikhuatiri. Tidak ada sesuatu yang dikhuatiri di dalam kandungan ini oleh kerana kita mengambil sikap terbuka dan kita mengamalkan demokrasi dan keputusan pilihanraya telah dengan jelas menunjukkan siapa rakyat memilih untuk menguasai Kerajaan pada pilihanraya kali ini.

GERAN KEPADA KERAJAAN KELANTAN/SABAH

4. **Tuan Hassan bin Harun** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah yang dimaksudkannya bahawa Kerajaan Persekutuan akan terus membantu Kerajaan-Kerajaan Negeri Kelantan dan Sabah mengikut peruntukan Perlembagaan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dimaksudkan dengan Kerajaan Persekutuan akan terus membantu Kerajaan-kerajaan Negeri Kelantan dan Sabah mengikut peruntukan Perlembagaan ialah mana-mana pemberian geran yang

diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan akan terus diberikan kepada kedua-dua negeri Kelantan dan Sabah seperti yang diberikan kepada negeri-negeri lain. Contoh pemberian-pemberian geran yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan adalah seperti berikut:

- | | | |
|-------|--------------------|------------------------------------------------------|
| (i) | Perkara 109(1)(a) | Pemberian mengikut Bilangan Orang (Capitation Grant) |
| (ii) | Perkara 109(1)(b) | Pemberian Penyelenggaraan Jalanraya (Road Grant) |
| (iii) | Perkara 110(3) | Serahan Sebahagian Cukai Eksport Bijih Timah |
| (iv) | Perkara 112C(1)(a) | Pemberian Khas kepada Sabah dan Sarawak |

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua,soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Kewangan apakah Rancangan Malaysia Keenam yang akan dilaksana mulai tahun hadapan akan dilaksanakan tanpa mengambilkira cadangan-cadangan daripada pihak Negeri memandangkan sikap Kerajaan Persekutuan akan mengadakan peruntukan sekadar mengikut geran sahaja?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sila ulangkan.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sama ada Rancangan Malaysia Keenam yang akan mencakupi perakuan-perakuan daripada Kerajaan Negeri akan dilaksanakan juga sesudah mengambilkira batasan-batasan kewangan yang dikenakan tadi?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan akan memberi perhatian atas cadangan-cadangan dan juga projek-projek yang telah dijalankan dan yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan akan terus dilaksanakan.

JABATAN IMIGRESEN KUALA LUMPUR - PERKHIDMATAN TAMBAHAN

5. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berhubung dengan perkhidmatan tambahan yang diberi oleh Jabatan Imigresen, Kuala Lumpur pada hari Ahad:

- (a) jumlah kes yang telah diuruskan pada hari-hari Ahad selama ini; dan
- (b) dari jumlah kes di atas berapa kes terdiri daripada pemohon-pemohon yang tinggal di luar Wilayah Persekutuan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jabatan Imigresen telah memperkenalkan perkhidmatan Sistem Tempahan Awal Nombor Giliran permohonan Pasport Antarabangsa Malaysia pada setiap hari Ahad iaitu bermula pada 4/11/90. Perkhidmatan ini masih lagi di peringkat percubaan. Sejak ianya diperkenalkan sebanyak 3,498 kes telah diterima oleh pihak Jabatan Imigresen.
- (b) Jabatan Imigresen tidak mengasingkan pemohon-pemohon yang tinggal di luar Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri lain.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah perkhidmatan tambahan pada hari Ahad ini ada dilanjutkan berterusan di Wilayah Persekutuan?

Yang kedua, adakah Kerajaan bercadang mengadakan perkhidmatan tambahan seperti ini di negeri-negeri lain?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, pihak Jabatan Imigresen akan meneruskan perkhidmatan ini pada tiap-tiap hari Ahad di kawasan Wilayah Persekutuan. Bagi khidmat yang serupa di negeri-negeri lain, oleh kerana perkhidmatan di Wilayah Persekutuan ini di dalam proses percubaan dan kita hendak melihat bagaimanakah sambutan daripada orang ramai dan masalah-masalah yang dihadapi, jadi buat ketika ini kita belum lagi mencadangkan untuk menubuhkan perkhidmatan yang sama di tempat-tempat lain.

INTEGRASI NASIONAL - LANGKAH ALTERNATIF

6. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan tentang program alternatif menghentikan perkhidmatan Feri Malaysia sebagai langkah integrasi nasional.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah alternatif untuk mempercepatkan proses integrasi nasional, iaitu:

- (a) kekerapan penerbangan MAS antara Sabah/Sarawak dan Kuala Lumpur telah ditambah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tambang kapalterbang adalah lebih murah daripada tambang Feri Malaysia dan lebih menjimatkan masa;

- (b) satu program tahunan yang dinamakan Projek Titian Emas telah dilaksanakan di antara Sabah, Sarawak dan negeri-negeri Semenanjung untuk menempatkan murid-murid sekolah dengan keluarga angkat; dan
- (c) Jabatan Perpaduan Negara juga menyelaraskan program lawatan ahli-ahli ketua masyarakat daripada Sabah dan Sarawak ke Semenanjung Malaysia semasa Persidangan Parlimen, Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga Hari Kebangsaan.

PASPORT ANTARABANGSA MALAYSIA - KES KEHILANGAN/KECURIAN

7. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa keskah terdapat rakyat Malaysia yang pasport antarabangsa mereka hilang atau dicuri orang. Adakah benar pasport tersebut digunakan pula oleh sindiket tertentu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pasport antarabangsa yang telah dilaporkan hilang atau dicuri sejak lima tahun yang lalu sehingga kini (iaitu September 1990) adalah 8,015 buah. Pihak polis masih lagi menyiasat sama ada kes kehilangan atau kecurian ini ada kaitan dengan kegiatan sindiket atau kerana kecuaiian pemegang-pemegang pasport tersebut.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kehilangan atau kecurian di dalam negeri ialah 6,337 naskhah, kehilangan atau kecurian di luar negeri ialah 1,678 naskhah.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. Kalau seseorang memegang pasport yang benar-benar hilang pasport dengan tidak sengaja ataupun hilang melalui kecurian, macam mana cara beliau dapat memohon semula pasport yang baru. Kerana apa yang saya dapati bahawa seseorang yang hilang pasport itu maka mereka akan didenda dan saya difahamkan pihak Imigresen tidak akan memberi pasport kepada mereka. Adakah ini benar?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya tidak benar. Kalau sekiranya kesahihan tentang kecurian dapat dibuktikan terutamanya dengan laporan polis dan sebagainya atau berlaku kebakaran di mana pasport itu juga terbakar, daripada kesahihan bukti inilah maka pihak Imigresen akan menimbangkan untuk memberi pasport tetapi tidaklah pasport yang mana boleh digunakan untuk 5 tahun seterusnya, tetapi kita akan beri pasport antarabangsa setahun ke setahun. Dan setelah beberapa lama dalam masa 5 tahun, kita akan beri pula pasport yang boleh digunakan selama 5 tahun. Tetapi kalau sekiranya kecurian itu kerana kelalaian atau adalah disangsikan bahawa pasport itu hilang kerana kecurian yang sebenar-benarnya, maka adalah sukar untuk kita dengan sewenang-wenangnya untuk memberikan pasport yang baru kerana maklum sahajalah pasport ini pada masa ini boleh diniagakan dengan keuntungan yang lumayan.

PERTUKARAN BERKELOMPOK ASN KEPADA ASB

8. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tujuan sebenar kempen besar-besaran yang dijalankan untuk "Pertukaran Berkelompok ASN kepada ASB".

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, kemudahan 'Pertukaran Berkelompok' adalah satu program di mana pelabur-pelabur skim Amanah Saham Nasional ditawarkan untuk menukarkan ke semua saham mereka dari skim ASN kepada skim ASB berkuatkuasa pada hari pertama skim ASN diniagakan mengikut harga pasaran. Pertukaran ini meliputi semua unit-unit ASN sehingga 31hb Disember, 1990 termasuk dividen serta bonus tahun 1990, bonus istimewa yang akan diisytiharkan dan keuntungan modal unit-unit ASN yang ada.

Tujuan program 'Pertukaran Berkelompok' ini adalah seperti berikut:

- (i) Untuk memberi kemudahan kepada pelabur-pelabur ASN yang ingin terus kekal dengan saham amanah yang harganya tetap dan memberi pulangan pada kadar yang memuaskan. Keputusan ini adalah berdasarkan satu penyelidikan pasaran yang dijalankan oleh PNB yang menunjukkan bahawa lebih daripada 50% dari pelabur-pelabur ASN bersikap demikian.
- (ii) Untuk memberi kemudahan kepada pelabur-pelabur, terutama yang tinggal jauh daripada agen berkomputer ASN atau yang tidak mempunyai kelapangan untuk mereka membuat urusan pada 2hb Januari, 1991.
- (iii) Untuk kemudahan mereka yang melabur melalui pinjaman bank atau institusi kewangan kerana institusi kewangan mungkin meminta peminjam menambahkan cagaran apabila harga saham ASN menurun. Jika ini berlaku ia akan menimbulkan masalah kepada pelabur-pelabur berkenaan.

- (iv) Sebagai satu kemudahan kepada pelabur-pelabur ASN yang berada di luar negeri memindahkan pelaburannya ke ASB.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30hb November, 1990, sejumlah 1.23 juta permohonan untuk menyertai program 'Pertukaran Berkelompok' telah diterima. Ini merupakan 50% daripada bilangan pelabur-pelabur ASN.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya dan yakin bahawa Skim ASN dan ASB ini adalah Skim Cepat Kaya yang sebenar-benarnya dan tulen kalau dibandingkan dengan Skim Cepat Kaya yang wujud di utara Semenanjung oleh sebab kita dapati skim ini telahpun mendatangkan hasil yang begitu besar. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah sumber pendapatan yang menghasilkan begitu besar keuntungan kepada pelabur-pelabur dari skim ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya suka membetulkan perbandingan. Skim Cepat Kaya adalah satu skim haram yang dijalankan tidak mengikut lunas undang-undang dan ini adalah satu skim pelaburan yang berasaskan kepada pelaburan yang rasional.

Berkenaan bagaimanakah kita mendapatkan pulangan yang begitu lumayan dan baik, ia adalah berasaskan kepada jenis pelaburan yang dimasuki oleh Amanah Saham Nasional iaitu dalam bidang kewangan, dalam bidang perladangan dan juga bidang hartanah. Jadi, dalam bidang-bidang ini di dalam keadaan ekonomi kita yang begitu baik, ia telah dapat mendatangkan pulangan yang begitu baik kepada pelabur-pelabur Amanah Saham Nasional.

PASPORT ANTARABANGSA MALAYSIA - KEHILANGAN

9. **Dato' Azumu bin Tak** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan pasport yang dilaporkan hilang di luar negeri oleh empunya dari Januari 1990 sehingga September 1990; dan
- (b) adakah apa-apa denda dikenakan terhadap mereka yang menghilangkan pasport tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf kerana banyak sangat mengenai pasport antarabangsa ini.

- (a) Jumlah pasport yang dilaporkan hilang di luar negeri dari Januari hingga September 1990 adalah sebanyak 293 kes.
- (b) Siasatan akan dijalankan terhadap kehilangan pasport ini dan tindakan selanjutnya bergantung kepada keputusan 'siasatan itu, misalnya, jika didapati kehilangan tersebut disengajakan, Kerajaan tidak akan mengeluarkan apa-apa jenis pasport lagi di masa akan datang kepada pemegangnya.

KEMPEN MAKAN ULAM

10. **Tuan Saidin bin Mohamad** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah program yang dianggap radikal dan inovatif yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pertanian seperti kempen makan ulam telah memberi peluang dan melahirkan pengusaha-pengusaha tanaman pokok-pokok yang boleh dijadikan ulam kerana kesan makan ulam itu kemungkinan pokok-pokok ulam yang ada sekarang akan pupus hasil berkesannya kempen makan ulam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, kempen makan ulam yang dilancarkan oleh Kementerian Pertanian telah berjaya, meningkatkan permintaan terhadap sayur-sayuran tersebut. Pada masa ini kebanyakan hotel-hotel tempatan telah menghidangkan pelbagai jenis ulam sebagai satu daripada menu mereka.

Peningkatan terhadap permintaan ulam-ulam ini telah melahirkan dan mewujudkan pengusaha tanaman pokok ataupun sayuran ini di luar bandar di samping menambah bilangan pengusaha penjual ulam-ulam di pasar-pasar tani. Kini terdapat 117 penjual ulam dengan purata nilai jualan di antara \$65,000 hingga \$83,000 sebulan. Petani dan pengusaha luar bandar tidak menghadapi masalah untuk memasarkan tanaman mereka. Terdapat juga yang mengusahakan secara komersial tetapi bilangannya adalah sedikit.

Kebanyakan tanaman tersebut ditanam di kebun-kebun sayur sebagai tanaman campuran dan yang dikutip dari tumbuhan secara liar adalah tidak meluas. Ulam-ulam ini tidak akan pupus. Di samping itu, Jabatan Pertanian telah mengambil langkah-langkah memelihara tanaman ulam ini supaya tidak akan pupus melalui program penanaman secara komersial seperti pokok pegaga, ulam raja dan daun kadok.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat dalam banyak ulam itu adakah jenis ulam yang boleh menguatkan tenaga batin kita? **[Ketawa]**

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yaug di-Pertua, banyak khasiat makan ulam ini. Yang saya mahu antaranya boleh awet muda.

Tentang soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Azman Atar bin Othman, yang ini saya kurang pasti.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, setinggi-tinggi tahniah dan syabas. Pertanyaan tambahannya ialah petai dan jering telah didapati mengandungi beberapa khasiat-khasiat yang boleh mengatasi masalah atau penyakit kencing manis dan juga darah tinggi. Tidakkah Kementerian bercadang untuk membuat kempen khas mengenai kedua-dua ulam ini?

Yang kedua, tidakkah Kementerian Yang Berhormat bercadang hendak melanjutkan usaha-usaha dan kempen mengenai khasiat sejenis hidupan laut yang bernama gamat di mana boleh memperbaiki luka dan menyembuhkan luka-luka? Saya berharap sahabat saya, Senator Tuan Azman Atar bin Othman, tidak pula bertanya jenis luka yang mana!

[Ketawa]

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan tambahan yang pertama, sebenarnya dalam kempen memakan sayur-sayuran **ini**, ulam sudahpun termasuk petai dan jering.

Mengenai soalan berkenaan dengan kempen untuk menggunakan sejenis makanan laut - gamat, sebenarnya gamat ini telahpun popular, jika Ahli Yang Berhormat berkunjung ke Langkawi. Jadi, saya kira tidak perlu dikempen lagi kerana permintaan tiap-tiap pengunjung ke Langkawi biasanya akan membeli gamat untuk dibawa pulang.

BERITA PALSU DAN FITNAH - TINDAKAN KEPADA AKHBAR

11. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil kepada penerbitan akhbar-akhbar yang sentiasa menabur fitnah yang boleh menjejaskan perpaduan rakyat negara ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengawasi semua akhbar dan mengkajinya secara **teliti**. Sekiranya terdapat apa-apa berita atau laporan akhbar yang merupakan fitnah dan boleh menjejaskan perpaduan rakyat negara ini, Kementerian Dalam Negeri akan bertindak mengikut lunas undang-undang. Mana-mana pihak yang menyiarkan berita palsu dengan niat jahat, jika disabitkan, boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun atau denda tidak melebihi \$20,000.00 atau kedua-duanya.

TV3 - WAKTU SIARAN FILEM

12. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementeriannya menasihatkan TV3 supaya mengubah waktu siaran filem pada hari Khamis pada pukul 2.30 petang ke waktu yang sesuai iaitu selepas waktu kerja kerana majoriti penonton Tamil tidak dapat menikmati filem-filem ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, TV3 adalah sebuah institusi swasta yang bebas. Menteri Penerangan memang bertanggungjawab ke atas bahan-bahan yang disiarkan melalui alat-alat terima siaran TV di bawah Akta Penyiaran tetapi tidak ada kuasa untuk mencampuri urusan pentadbirannya.

Oleh kerana tindakan TV3 untuk menyiarkan filem berkenaan di tarikh yang ditetapkan sendiri oleh TV3, ianya merupakan perancangan perniagaan dan polisi stesen berkenaan sendiri. Kementerian Penerangan tidak berhasrat menasihatkan TV3 mengenai perkara ini kerana Kementerian ini beranggapan segala sesuatu yang dibuat oleh TV3 mengenai rancangannya adalah berpandukan kepada dasar stesen berkenaan dan juga hasil dari kajiselidik penonton yang dilakukan oleh TV3 sendiri dari masa ke semasa.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, tidak bolehkah Kementerian Penerangan menasihatkan TV3? Kalau TV3 telah buat kajian soalselidik, mana satu kajian, bolehkah namakan kajian itu? Macamana, Tuan Yang di-Pertua, pukul 2.30 petang seluruh negara, pekerja-pekerja ladang masih di dalam pekerjaan dapat ,menonton satu tayangan gambar? Ini Kerajaan untuk rakyat, ini Kerajaan semata-mata untuk beri banyak peluang kepada rakyat, tidak bolehkah Kementerian Penerangan nasihatkan saudara kita di TV3?

Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas soalan tambahan. Sebenarnya Kerajaan ataupun Kementerian Penerangan memang boleh menasihati, tetapi adalah menjadi dasar Kementerian untuk tidak mencampuri di atas sebarang urusan yang dilaksanakan oleh stesen-stesen di bawah institusi swasta. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat sangat

berminat untuk menonton, suka saya menyatakan kalau sekiranya rancangan TV3 tidak bersesuaian dengan kehendak dan citarasa rakyat Malaysia keturunan India, bolehlah melihat sahaja TV RTM. Rangkaian Satu dan Dua.

Di atas soalan sama ada kajiselidik diadakan, memang kajiselidik diadakan, Tuan Yang di-Pertua - dilakukan oleh sebuah badan bebas, iaitu SRM, ianya ringkasan kepada sebuah firma yang bebas juga untuk melaksanakan kajian-kajian survey dari masa ke semasa di atas minat penonton. Tuan Yang di-Pertua, TV3tentulah memperlihatkan perkara ini dari segi sudut keuntungan dan juga sudut-sudut yang lain. Jadi oleh kerana TV3 mempunyai hasrat dasar dan cita-citanya tersendiri, maka kita boleh menasihati, tetapi kita rasakan bahawasanya biarlah TV3 sendiri yang menentukan siaran-siarannya dan pilihan waktu bagi siaran-siaran tertentu. Terima kasih.

DASAR ERONOMI SELEPAS 1990

13. **Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Perdana Menteri menyatakan apakah penekanan yang paling asas dalam Dasar Ekonomi yang akan dirumuskan nanti sebagai menggantikan Dasar Ekonomi Baru. Perdana Menteri diminta untuk memastikan Dasar Ekonomi yang akan dirumuskan nanti hendaklah benar-benar bersifat Islamic yang dapat membantu golongan miskin.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk menyemak pelaksanaan DEB dan seterusnya menggubal satu dasar ekonomi selepas 1990. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam sidang Dewan Rakyat pada 5 Disember 1990 yang lalu, Kerajaan juga akan mengkaji pandangan-pandangan Ahli-ahli MPEN apabila Majlis tersebut menyampaikan Laporan mereka kepada Kerajaan.

Dengan mengambilkira kemajuan kerja-kerja tersebut, Kerajaan berharap akan dapat membentangkan dasar baru selepas 1990 kepada Dewan ini dalam sidangnyanya pada tahun hadapan.

Pada pandangan Kerajaan, kegiatan-kegiatan membantu golongan miskin dalam Dasar Ekonomi Negara adalah selaras dengan kehendak Islam.

KRISIS TELUK - KESAN EKSPORT MINYAK SAWIT

14. **Tuan Dol bin Dolah** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:-

- (a) apakah kesan krisis Teluk terhadap eksport minyak sawit negara dan adakah tindakan lain untuk mencari pasaran baru bagi minyak sawit; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk menanam semula pokok-pokok hutan tropika yang semakin pupus pada masa ini.

Timbalan Menteri Perumahan Utama [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semenjak tercetusnya krisis Teluk pada bulan Ogos, eksport minyak sawit Malaysia ke Iraq dan Kuwait telah terhenti sama sekali. Iraq, terutamanya selama ini merupakan suatu pasaran yang penting dengan eksport minyak sawit Malaysia ke negara itu mencapai purata tahunan sebanyak 131,000 tan di antara 1985 hingga 1989. Sebaliknya pula, eksport minyak Malaysia ke rantau Teluk secara keseluruhannya tidak kelihatan terjejas. Bagi tempoh Ogos hingga Oktober 1990 eksport minyak sawit Malaysia ke 12 buah negara di rantau itu berjumlah 223,500 tan sementara bagi tempoh yang sama bagi tahun 1989 ianya berjumlah 212,200 tan.

Usaha untuk mengembangkan pasaran untuk minyak sawit Malaysia merupakan satu usaha yang berterusan. Di antara langkah-langkah yang telah dan akan terus dilaksanakan ialah:-

- (i) misi-misi perdagangan;
- (ii) seminar-seminar;
- (iii) pengiklanan;
- (iv) program suaikenal minyak sawit;
- (v) khidmat nasihat teknikal kepada para pengguna; dan
- (vi) penyertaan dalam pameran-pameran perdagangan

langkah-langkah di atas dilaksanakan oleh pihak Kerajaan termasuk Kementerian Perusahaan Utama dan agensi-agensi di bawahnya iaitu PORLA dan PORIM, Majlis Galakan Pasaran Minyak Sawit Malaysia (MPOPC), pertubuhan-pertubuhan swasta seperti Persatuan Penapis-penapis Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORAM) serta juga syarikat-syarikat swasta secara individu.

(b) Ada. Rancangan menanam semula pokok-pokok hutan tropika secara percubaan bermula semenjak tahun 1950an lagi. Pada tahun 1957, ladang hutan secara perdagangan telah dimulakan di negeri Kedah dan Perlis di mana pokok jati telah ditanam. Dalam tahun 1960an dan 1970an pokok jenis pine telah ditanam di Johor, Negeri Sembilan, Pahang dan Selangor. Dalam tahun 1982, projek Ladang Hutan Kompensatori telah ditubuhkan di Semenanjung Malaysia, yang ditanam dengan spesis pokok yang cepat tumbuh. Projek tersebut dijangka dapat menubuhkan seluas 188,000 hektar ladang hutan menjelang tahun 1997. Sehingga kini seluas 40,000 hektar ladang hutan telah ditubuhkan.

Di Sabah pula seluas 47,000 hektar ladang hutan telah ditubuhkan dan Kerajaan Negeri Sabah bercadang menubuhkan seluas 250,000 hektar ladang hutan menjelang tahun 2000.

Di Sarawak pula seluas 4,000 hektar telah ditanam dengan spesies pokok yang cepat tumbuh dan dijangka seluas 20,000 hektar ladang hutan akan ditubuhkan di kawasan hutan miskin sebelum tahun 2,000.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ingin saya mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri Perusahaan Utama memandangkan kepada masalah turun naiknya minyak sawit negara dan juga pertandingan dengan minyak kacang soya, serta pengeluaran kelapa sawit secara besar-besaran dari Indonesia, adakah Kerajaan bercadang untuk menanam kelapa sawit yang sudah tua dengan jenis pokok-pokok tanaman lain yang lebih teguh harganya?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diketahui sesuatu negara itu mestilah mempelbagaikan hasil komoditinya. Kita tidak boleh bergantung di atas satu jenis komoditi, seperti getah sahaja, kelapa sawit sahaja, koko sahaja dan sebagainya. Jadi sehingga ini apa yang telah dirancang dan dijalankan oleh Kerajaan adalah agak menjamin masa depan kita.

KUTIPAN TAMBAHAN LEVI KAYU GERGAJI

15. **Tuan Foo Boon Liang** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan kutipan tambahan Levi yang sepenuhnya ke atas semua ukuran kayu gergaji 21 jenis khas itu akan bermula pada 1hb Mac, 1991. Adakah tambahan levi ini dikutip juga di Sabah dan Sarawak; jika tiada, mengapa tiada kerana tindakan itu menjejaskan industri ini di Semenanjung.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, levi eksport yang akan dikenakan ke atas 21 spesis kayu gergaji mulai 1hb Mac, 1991 bukan sahaja meliputi bentuk 'strip', tetapi juga kesemua saiz kayu gergaji berkenaan. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, levi ini hanya dikenakan ke atas eksport kayu gergaji dari Semenanjung Malaysia sahaja. Langkah ini diambil memandangkan industri berasaskan kayu di Semenanjung Malaysia telah mencapai tahap perkembangan yang mana ianya adalah lebih menguntungkan sekiranya industri tersebut menumpukan kepada aktiviti-aktiviti hiliran dan pemerosesan lanjut ke atas sumber-sumber kayu. Langkah ini dapat memenuhi bukan sahaja keperluan dan kepentingan untuk memelihara sumber hutan tetapi juga akan membolehkan negara bagi memaksimumkan pulangan dari pengeluaran barangan kayu-kayan yang mempunyai nilai tokok yang tinggi seperti speciality plywood, perabot dan komponen perabot.

Dalam hal ini, saya memaklumkan bahawa pengeluaran dan pengeksport perabot tradisional di negara-negara Timur Jauh, seperti Taiwan, Korea dan Jepun pada masa ini telah mula hilang faedah perbandingan (comparative advantage) sebagai pengeluar atau pengeksport perabot terkemuka dunia akibat peningkatan kos buruh peningkatan kos nilai matawang dan juga ketidakstabilan bekalan bahan mentah. Malaysia di sebaliknya menyediakan lokasi dan intensif yang menarik bagi pembangunan industri perabot dan lain-lain industri yang berasaskan kayu yang mempunyai nilai tokok yang tinggi. Berasaskan kepentingan inilah levi yang dicadangkan akan dapat membantu serta memastikan bekalan bahan mentah kayu yang lebih mudah dan terjamin dapat disediakan kepada pengusaha yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya jelaskan di sini bahawa levi yang dikutip akan disalurkan ke dalam Tabung Pembangunan Industri Kayu-Kayan yang akan diuruskan oleh pihak industri sendiri. Tabung **ini**, antara lain, akan digunakan untuk menampung perbelanjaan bagi membawa masuk kayu-kayu balak dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung Malaysia bagi menampung keperluan tempatan. Tabung ini juga akan digunakan untuk membiayai program-program penanaman semula hutan serta membiayai usaha-usaha untuk memerangi kempen anti kayu tropika.

Mengenai pemakaian ataupun pengenaan levi seumpama ini di Sabah dan Sarawak, suka saya nyatakan bahawa ianya terpulanglah kepada kedua-dua negeri berkenaan. Walau bagaimanapun, perlu diakui bahawa industri pemerosesan kayu-kayan di kedua-dua negeri tersebut masih belum sampai ke tahap pemerosesan seperti di Semenanjung Malaysia dan dalam hal ini adalah jelas bahawa keutamaan bagi Sabah dan Sarawak adalah untuk mengurangkan eksport balak dan menumpukan usaha-usaha kepada aktiviti-aktiviti pemerosesan lanjut.

Ahli Yang Berhormat juga mungkin sedia maklum bahawa Kerajaan Negeri Sabah akan mengambil langkah bagi mengurangkan eksport kayu gergaji dan veneer dengan menggunakan ses eksport kayu gergaji sebanyak \$18 semeter padu bagi spesis popular dan \$9 semeter padu bagi spesis tidak popular dan veneer sebanyak \$20 semeter padu mulai 1hb Mac, 1991.

PERUSAHAAN PERINDUSTRIAN DI LUAR MALAYSIA

16. **Puan Hajah Habidah binti Jusoh** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan;

- (a) adakah terdapat rakyat Malaysia yang mengadakan perusahaan perindustrian di luar Malaysia dan bidang apakah perusahaan mereka itu;
- (b) apakah untungnya terhadap Malaysia; dan
- (c) kalau ada perusahaan industri yang dilakukan oleh rakyat Malaysia di luar negara, kenapakah mereka tidak menabuhkannya di dalam negara sendiri berikan sebabnya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato Dr. K.S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, memang ada terdapat rakyat Malaysia yang melabur di luar negeri. Pelaburan yang dibuat oleh pelabur-pelabur Malaysia di luar negeri tidak dikawal oleh Kerajaan. Oleh itu, Kerajaan tidak ada rekod lengkap mengenai jenis dan bidang pelaburan mereka itu.

Pelaburan yang dibuat di negara lain itu adalah berasaskan kepada pertimbangan ekonomi yang mana adalah lebih menguntungkan dan berfaedah untuk melabur sedemikian.

Keputusan oleh rakyat Malaysia untuk melabur di luar negeri adalah didorong oleh faktor keuntungan dan untuk mencari peluang-peluang pelaburan baru. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi bebas (free enterprise), Kerajaan tidak dapat memaksa pelabur-pelabur Malaysia untuk melabur di negara ini. Terpulanglah kepada mereka untuk melabur di mana mereka fikirkan sesuai dan menguntungkan.

Pelaburan yang dibuat oleh rakyat Malaysia dalam bidang industri boleh memberi faedah kepada negara melalui:

- (i) penggunaan bahan-bahan mentah dan komponen-komponen yang dikeluarkan oleh negara kita;
- (ii) peluang kemasukan pasaran (market access) bagi barang-barang Malaysia di negara yang mempunyai sekatan perdagangan tinggi untuk barang-barang siap; dan

- (iii) keuntungan dan dividen yang dibawa balik ke Malaysia akan dapat menyumbang kepada imbangan bayaran (balance of payments) negara kita.

TABUNG USAHAWAN BARU - PINJAMAN

17. **Tuan P. Balaram** minta Menteri Kewangan menyatakan:-
- (a) berapa ramaikah peniaga-peniaga yang mendapatkan pinjaman dari Tabung Usahawan Baru (TUB) sehingga 30.10.90 serta berapakah jumlah pinjaman; dan
 - (b) bagaimanakah pengawasan atas perniagaan-perniagaan itu dijalankan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31hb Oktober, 1990 sebanyak 127 permohonan telah diluluskan di bawah skim Tabung Usahawan Baru. Ia melibatkan pinjaman sebanyak \$17.2 juta.

Tuan Yang di-Pertua, skim ini diuruskan oleh 5 institusi kewangan yang dilantik oleh Kerajaan dengan berpandukan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Sebagaimana pinjaman biasa, institusi-institusi kewangan berkenaan adalah bertanggungjawab untuk mengawasi pinjaman yang dikeluarkan, khususnya untuk memastikan pembayaran balik daripada peminjam-peminjam.

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 4/1979

18. **Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah kerajaan akan menyiapkan pengubahsuaian Pekeliling Perkhidmatan. Jabatan Perkhidmatan Awam Bilangan 4 Tahun 1979. Ini adalah oleh kerana terdapat ramai bilangan bekas-bekas perajurit yang telah diserapkan semula di dalam pelbagai jawatan di sektor awam ingin menikmati kemudahan daripada Pekeliling tersebut.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) masih mengkaji cadangan untuk mengubahsuai Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4/79 iaitu mengenai peluang memohon jawatan dan peraturan bagi perlantikan bekas anggota Tentera dan Polis ke jawatan tetang dalam bidang awam. Keputusan mengenainya masih tertangguh kerana dalam masa yang sama JPA akan mengeluarkan Perintah Am Bab 'A' yang baru. Pindaan terhadap Pekeliling tersebut akan dibuat sebaik sahaja Perintah Am Bab 'A' itu diluluskan.

HUTANG KERAJAAN KELANTAN

19. **Tuan Hassan bin Harun** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah hutang Kerajaan Kelantan kepada Perbendaharaan dan lain-lain institusi kewangan serta menyenaraikan pinjaman tersebut mengikut tujuan atau kegunaannya masing-masing. Mampukah Kerajaan Negeri Kelantan berdikari tanpa bantuan Kerajaan Pusat?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Kelantan tidak berhutang dengan lain-lain institusi kewangan, kecuali dengan Kerajaan Persekutuan (Perbendaharaan) sahaja. Hutang Kerajaan Negeri Kelantan dengan Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak \$711.67 juta dalam bentuk pinjaman untuk melaksanakan projek-projek pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, pinjaman-pinjaman untuk projek pembangunan adalah bagi tujuan-tujuan seperti berikut:

- (a) Bekalan air - \$73.72 juta;
- (b) Perumahan awam kos rendah - \$74.34 juta;
- (c) Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri - \$308.61 juta; dan
- (d) Pelbagai termasuk bangunan pejabat, bayaran tunggakan gaji, rancangan tanah pinggir ialah \$255 juta.

Jumlah pinjaman ialah \$711.67 juta.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kedudukan sekarang, Kerajaan Negeri Kelantan adalah bergantung kepada Kerajaan Pusat bagi menampung pembiayaan projek-projek pembangunan dan perbelanjaan operasi. Adalah dijangka Kerajaan Negeri Kelantan akan terus memerlukan bantuan Kerajaan Pusat bagi tujuan ini.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, bila agaknya dijangka Kerajaan Kelantan akan membayar balik duit ini dan berapa lama tempoh dan sekiranya Kerajaan Kelantan tidak dapat bayar balik, apakah hukumannya daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Kelantan?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan tidak pasti bilakah Kerajaan Negeri Kelantan akan membayar balik hutang yang ada dengan Kerajaan Pusat. Tetapi Kerajaan Pusat sentiasa mengambil tindakan supaya meminta Kerajaan Negeri Kelantan termasuk juga negeri-negeri lain membayar balik apa-apa hutang yang ada dengan Kerajaan Pusat dan tidak ada apa-apa hukuman yang Kerajaan Pusat akan kenakan kepada mereka. Hanya ada beberapa tindakan yang boleh diambil jikalau mereka tidak mengambil tindakan positif untuk membayar balik hutang-hutang yang ada. Ini termasuk menahan pengeluaran pinjaman-pinjaman baru sehingga pinjaman yang

telah matang itu dibayar balik dan juga Kerajaan mungkin akan menguatkuasakan Perkara (2) Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan potongan pembelian geran yang ditentukan dalam Perlembagaan serta juga tindakan-tindakan yang lain.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, memandangkan maklumat yang baru tadi bahawasanya Kerajaan Kelantan bergantung kepada Kerajaan Persekutuan untuk perbelanjaan operasi dan perbelanjaan pembangunan, apakah Kerajaan Persekutuan akan mempertimbangkan sekiranya ada permohonan untuk pinjaman-pinjaman tambahan bagi masa hadapan, sungguhpun mereka belum bayar lagi yang tertunggak selama ini?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya telah sebutkan ketika menjawab soalan yang keempat tadi, bahawa pemberian mengikut bilangan orang itu yang harus diberikan kepada Kerajaan Negeri Kelantan, Kerajaan Pusat akan terus memberikan geran itu tetapi atas permintaan untuk peruntukan tambahan. Peruntukan tambahan itu terpulang kepada Kerajaan Pusat yang mana perlu diberikan dan yang mana tidak.

Tuan Hassan bin Harun: Penjelasan. Saya hendak tahu apakah Kerajaan Persekutuan akan mempertimbangkan permohonan pinjaman baru untuk tujuan perbelanjaan menampung perbelanjaan operasi dan pembangunan tadi?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, ini melihat 'merits of the case'.

Puan Hajah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya peruntukan tidak diberi, berapa lamakah Kerajaan Kelantan boleh bertahan dengan peruntukan yang sedia ada?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu dan tidak pasti berkenaan dengan perkara ini.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, tidakkah Kementerian Kewangan membuat beberapa persediaan dan perancangan untuk bantuan-bantuan negeri-negeri termasuk Kelantan kerana jawapan Yang Berhormat tadi abstract sangat seolah-oleh Kementerian ini tidak mempunyai perancangan, tidak mempunyai perangkaan atau mungkin Yang Berhormat belum meneliti?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas soalan tambahan ini. Sebenarnya soalan-soalan tambahan yang ditanya tadi ini ada sedikit sensitif. Walaupun Kerajaan Pusat mengatakan bahawa Kerajaan Pusat akan membantu negeri-negeri lain sungguhpun Kerajaan Negeri itu adalah di bawah tangan parti Pembangkang, mereka akan mengatakan bahawa Kerajaan Pusat tidak mempunyai keikhlasan untuk menolong. Jadi, Kerajaan Pusat telah beberapa kali menegaskan bahawa peruntukan-peruntukan yang mengikut Perlembagaan akan diberikan terus macam negeri-negeri lain seperti negeri Perak, Selangor dan lain-lain dan jikalau ada permintaan-permintaan tambahan ini, kita akan melihat, menyiasat dan akan memberi pertimbangan mengikut 'merits of each case'. Jadi, jikalau ada mana-mana permintaan khas daripada negeri Kelantan termasuk Sabah, jikalau permintaan itu adalah wajar, Kerajaan Pusat akan memberikan perhatian dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

KEMALANGAN JALANRAYA

20. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah kemalangan jalanraya bulan Januari hingga September tahun ini dan perbandingannya bulan yang sama tahun lalu. Apakah langkah-langkah untuk mengurangkan kemalangan tersebut.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis DiRaja Malaysia setakat ini hanya dapat mengumpulkan perangkaan kemalangan jalanraya sehingga bulan Ogos 1990 sahaja.

Berikut adalah perbandingan perangkaan kemalangan jalanraya dari Januari hingga Ogos 1989 dan 1990 iaitu pada tahun 1989, kemalangan sebanyak 50,161 dan pada 1990 sebanyak 56,814. Langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kemalangan adalah melalui tiga pendekatan iaitu penguatkuasaan, kejuruteraan dan pendidikan.

Usaha-usaha penguatkuasaan sedang dipertingkatkan dengari menjalankan lebih banyak operasi khas di kawasan-kawasan yang kerap berlaku kemalangan. Pada 8hb Ogos 1990, Polis DiRaja Malaysia telah menubuhkan satu cawangan yang dipanggil Cawangan Peronda Lebuhraya Malaysia yang dianggotai oleh 84 anggota dan dibahagikan kepada 14 unit untuk mengawasi lebuhraya di seluruh Semenanjung Malaysia.

Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan juga akan mengambil anggota baru agar tindakan penguatkuasaan yang berkesan dapat dilakukan. Pembelian alat dan kelengkapan penguatkuasaan sedang dilakukan termasuklah kenderaan, mesin timbang dan pemasangan kamera bagi mengesan pemandu yang memandu melebihi had laju yang dibenarkan.

Dari segi kejuruteraan, kerja-kerja membaiki jalan yang sedia ada dan membina jalan baru sentiasa diberi keutamaan oleh Kerajaan. Kajian juga dilakukan untuk mencari bahan binaan yang lebih sesuai untuk pembinaan jalan demi keselamatan pengguna. Papan-papan tanda memperingatkan pengguna jalanraya juga sedang dibina di seluruh negara.

Kerajaan sedang memberikan tumpuan kepada aspek pendidikan bagi mengubah sikap pemandu memandangkan lebih daripada 90% kemalangan jalanraya adalah disebabkan oleh kecuaiannya sendiri. Ceramah, pameran, promo melalui radio dan TV untuk menyemai dan dipertingkatkan. Bakal pemandu yang akan mendapatkan lesen memandu memupuk kesedaran keselamatan jalanraya di kalangan pengguna juga akan diberi penekanan kepada pemanduan berhemah (defensive driving)

seperti yang termaktub dalam kurikulum baru sekolah memandu. Penekanan juga diberi kepada kanak-kanak di peringkat pra-sekolah dan sekolah rendah. Kurikulum untuk tujuan ini telah diterbitkan dan bahan-bahan pengajaran seperti poster bersiri, pita video sedang dalam proses penerbitan.

KUALA SUNGAI MELAKA - KERJA MENGOREK

21. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk memberi kemudahan laluan di Kuala Sungai Melaka kepada pihak-pihak yang mengguna kerana lumpur telah menyebabkan Kuala Sungai tersebut menjadi cetak menyebabkan terganggunya tugas-tugas penting pihak Kastam dan Marine Polis.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pelabunan Kelang yang bertanggungjawab ke atas operasi Pelabuhan Melaka telahpun menjalankan kerja-kerja penyiataan pre-dredging, dengan izin, yang telah dibuat dari 18hb hingga 21hb September, 1990.

Sekarang ini Lembaga sedang menyediakan dokumen-dokumen tender kerja mengorek semula Kuala Sungai Melaka. Iklan memanggil tawaran tender akan dibuat tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan sudah habis selesai. Sekarang kita pergi ke urusan yang lain.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1989 DAN 1990) (N0.2)****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (20hb Disember, 1990).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan C. Krishnan menyambung ucapannya.

4.02 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung ucapan saya mengenai Akta Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) (No.2).

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita sedia maklum, sekolah-sekolah telahpun dibuka pada 3hb Disember. Tetapi sehingga hari ini Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Sungai Pelik masih kekurangan 20 guru. Kementerian Pendidikan haruslah ambil kira apabila buat satu-satu pertukaran, dia dapat menghantar penggantinya. Sampai 20 guru telahpun ditukar tetapi tidak ada gantinya. Ini menunjukkan Jabatan Pendidikan Selangor tidak ambil kira tentang pelajaran kanak-kanak di sekolah menengah itu.

Saya difahamkan guru-guru sandaran direkrut dengan tergesa-gesa tetapi ini adalah satu tindakan yang **adhoc**. Kementerian Pendidikan tidak boleh adakan tindakan **adhoc** dan harus ada rancangan mengenai penempatan guru-guru di sekolah-sekolahnya.

Saya sedia maklum, Yang Berhormat Menteri Pendidikan adalah seorang Menteri yang berkaliber dan beliau telah beri satu pimpinan yang baik kepada Kementerian itu. Tetapi pegawai-pegawai yang bertugas di bawah beliau ini tidak mengambil kira tentang pelajaran kanak-kanak.

Saya difahamkan sekolah itu pada tahun 1989, di keputusan SRP mendapat 52% dan pada tahun 1990 peratusnya telah naik hingga 54%. Tetapi selama lebih kurang tiga minggu ini tidak ada gurunya, tidak ada pelajaran, macam mana kanak-kanak itu boleh meningkatkan

mutu pelajaran di dalam peperiksaan seperti SRP dan SPM dengan cemerlang?

Oleh sebab itu, saya merayu kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya mereka mengambil berat tentang penempatan guru-guru di masa-masa akan datang..

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini mengenai keputusan UPSR pada tahun ini di sekolah rendah jenis kebangsaan (Tamil). Saya difahamkan bahawa kanak-kanak daripada sekolah rendah Tamil yang menduduki peperiksaan UPSR tidak dapat markah-markah yang baik di dalam matapelajaran Bahasa Malaysia. Ini adalah satu perkara yang harus kita ambil kira kerana sekiranya mereka tidak berfasih di dalam Bahasa Malaysia, mereka tidak boleh mendapat kelulusan di dalam peperiksaan-peperiksaan yang akan datang.

Oleh sebab itu, sampailah masanya kita tidak boleh fanatik dengan bahasa ibunda. Oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan, masanya sudah sampai supaya kalau boleh beberapa matapelajaran di sekolah Tamil dapat diajar di dalam Bahasa Malaysia. Dengan cara ini, kanak-kanak di sekolah Tamil boleh menguasai Bahasa Malaysia yang mereka dapat belajar dengan baik di sekolah menengah apabila mereka tamat Darjah VI.

Oleh sebab itu, saya berharap supaya satu sistem akan digubal bagaimana ataupun cara mana kita dapat melaksanakan satu kaedah di mana bukan sahaja satu matapelajaran bahasa Tamil dimestikan tetapi juga beberapa matapelajaran peperiksaan diajarkan dalam Bahasa Malaysia di peringkat sekolah rendah jenis kebangsaan (Tamil).

Saya maklum bahawa apabila cadangan ini dibuat kepada orang ra-

mai khususnya golongan kaum India, mereka akan menentang tetapi kita kena ambil kira masa depan kanak-kanak ini. Masa depan kanak-kanak ini kita harus kira, janganlah mereka menjadi penoreh getah di dalam pekerjaan.

Saya tidak mahu satu situasi di mana terdapat pengangguran antara belia-belia keturunan India yang banyak kerana mereka tidak belajar dengan cemerlang di sekolah menengah. Saya difahamkan daripada berita hari ini, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telahpun mengalu-alukan syor MIC supaya beberapa matapelajaran diadakan dalam Bahasa Malaysia di sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, sentiasa di dalam Dewan yang mulia ini kita dengar istilah 'bantuan modal' dan 'bantuan penuh'. Sudahpun 33 tahun kita sudah merdeka, kita sudah banyak sedih mendengar istilah 'bantuan modal' dan 'bantuan penuh'. Mereka kata sekolah-sekolah Tamil di estet itu bukan tanah kepunyaan Kerajaan. Oleh sebab itu, sekolah itu adalah sekolah bantuan modal.

Guru-guru dapat latihan daripada Kementerian dan mereka terima gaji daripada Kementerian dan bangku sekolah itu daripada Kementerian, tetapi macam mana dia boleh katakan bantuan modal. Dia kata ini kita tak boleh ambilalih.

Macam mana tidak boleh ambilalih, Tuan Yang di-Pertua? Sedangkan di bawah Kanun Tanah itu, apabila Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan memerlukan sesuatu untuk public purposes, dengan izin, dia boleh ambilalih tanah itu. Haruslah ladang-ladang itu dibawa dalam aliran utama pembangunan negara.

Oleh sebab itu saya sungguh-sungguh menyeru kepada Kementerian Pendidikan supaya jangan adakan istilah 'bantuan modal' dan 'bantuan penuh'. Sudah 33 tahun kita dapat merdeka tetapi kita hendak katakan lagi "ini sekolah bantuan penuh", dan "ini sekolah bantuan modal".

Saya harapkan kalau boleh kita beri lagi 5 tahun kepada Kementerian Pendidikan cari satu jalan. Tempoh 5 tahun ini lama, dalam satu tahun pun boleh untuk kita ambil sebidang tanah dimana sebuah sekolah sudahpun sedia ada. Tanah itu tidak banyak cuma satu atau dua ekar sahaja. Memang kita mampu mengambil-alih tanah itu untuk sekolah-sekolah tersebut. Oleh sebab itu saya menyeru kepada Kementerian Pendidikan carilah satu jalan supaya istilah ini dihapuskan. Kita harus jadikan semua sekolah sebagai bantuan penuh supaya sekolah-sekolah Tamil yang berada di estet-estet itu dapat bantuan penuh daripada Kementerian Pendidikan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian mengenai B.34, Kementerian Kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan Kementerian Kesihatan tidak lama dahulu telahpun memberitahu bahawa klinik-klinik dan hospital-hospital estet akan diambil alih oleh Kementerian Kesihatan dan satu Akta akan dibentangkan di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Tetapi sehingga hari ini tidak ada Akta. Saya kurang pasti mengenai klinik-klinik ini, apakah Kementerian Kesihatan ambil alih bangunan itu supaya dapat memberikan perkhidmatan kepada pekerja-pekerja estet. Klinik-klinik dan hospital-hospital yang didirikan oleh estet-estet itu, mereka tidak memberi perhatian penuh ataupun perkhidmatan yang baik kepada pekerja-pekerja ladang. Oleh sebab itu janganlah kita adakan satu Akta untuk diambil alih, dan kalau boleh klinik-klinik dan hospital-hospital yang sedang ada di estet-estet itu hendaklah diambil alih oleh Kementerian Kesihatan supaya Pembantu Hospital atau Doktor Perubatan dapat memberi perkhidmatan medical kepada pekerja-pekerja ladang.

Saya sedia maklum bahawa pemimpim-pemimpin sentiasa mengeluarkan hujjah-hujjah bahawa, Tanah estet ini tanah persendirian atau private dan kita tidak boleh membawa pembangunan". Ini saya tidak boleh terima kerana tanah-tanah ini bukan dipunyai oleh orang-orang Puteh (Mat Salleh). Tanah-tanah ini dipunyai oleh orang yang hitam manis seperti saya [**Ketawa**]. dan oleh PNB, PNB ini siapa? Kita punya adik besar. Sime Darby ini siapa? Tetapi masih lagi kita katakan begini. Dahulu, Mat Salleh, sekarang dia sudah pergi. Kita punya kawan-kawan sudah balik. Kini ia dipunyai oleh tuan-tuan yang berketurunan ataupun orang-orang berwarganegara Malaysia. Oleh sebab itu janganlah kita sentiasa katakan estet itu adalah sesuatu yang di luar kuasa. Kalau begitu, apakah Sime Darby, Harrison & Crossfields ini macam dia Perdana Menteriya sendirikah? Dia harus menerima teguran dan pandangan-pandangan yang baik daripada Kerajaan, Penduduk-penduduk dan pekerja-pekerja di ladang itu adalah warganegara Malaysia dan mereka harus menikmati segala pembangunan Kerajaan. Kalau boleh kita kena kaji balik dasar-dasar supaya mereka ini jangan ditinggalkan sebagai manusia yang asing.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak pergi ke Ladang Sepang, kalau sesiapa pun, termasuk Tuan Yang di-Pertua pun hendak pergi ke estet itu, kita kena dapat kebenaran untuk masuk ke estet itu. Ini saya kurang faham apa sebabnya. Walaupun tanah itu tanah persendirian, tetapi kita kena ambil kebenaran untuk masuk ke estet itu. Zaman bermaharajalela sudahpun habis. Kita kenalah memberi nasihat kepada pengurus ataupun majikan-majikan gedung-gedung besar dan ladang-ladang itu supaya mereka memberi faedah-faedah yang baik kepada pekerja-pekerja ladang.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1989 dan 1990. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Hajjah Rosnah.

4.15 ptg.

Puan Hajjah Rosnah binti Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kerana memberi peluang untuk saya turut menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan 1990 dan bagi memperuntukkan sejumlah wang itu dan apa-apa jumlah wang lain yang telah dibenarkan sebagai perbelanjaan untuk perkhidmatan bagi sebahagian daripada tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, B.1 - Parlimen. Kita sedia maklum bahawa Dewan Rakyat bersidang selama 45 hari dan Dewan Negara selama 16 hari bagi Sessi Penggal Pertama Parlimen Kelapan. Kita ketahui bahawa pegawai-pegawai dan kakitangan Parlimen bekerja dari siang hari hinggalah ke malamnya. Saya difahamkan bahawa mereka mendapat elaun makan yang amat sedikit. Jadi, memandangkan bahawa mereka berkhidmat begitu tekun dan baik, saya harap elaun ataupun imbuhan wang kepada mereka patutlah ditambah lagi, sesuai dengan kedudukan kewangan yang agak teguh.

B.7 - Jabatan Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, program takmil masjid atau menyemarakkan masjid telah dirancang oleh pihak Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin tahu adakah program ini diselaraskan di seluruh negara, kerana dalam keadaan negara kita menghayati segala nilai-nilai murni itu masjid patutlah digunakan

dengan sepenuhnya oleh umat Islam, sesuai dengan keadaan dan kegiatan supaya penerapan nilai-nilai yang murni ini akan dapat diterapkan dan seterusnya merapatkan lagi silaturrahim sesama kita dan menghasilkan masyarakat penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, B.16 - Jabatan Perkhidmatan Bomba. Kita amat gembira mendengar bahawa alat-alat kelengkapan yang lama akan digantikan dengan yang baru. Kita juga berharap supaya kereta-kereta bomba yang lama juga akan digantikan dengan yang baru supaya prestasi kerja dapat ditingkatkan. Mengenai dengan ahli-ahli Pasukan Bomba Sukarela, adakah mereka mendapat latihan yang cukup dan dapat menolong menjalankan tugas atau pertolongan pada masa kebakaran dan kecemasan.

Pada hari ini kita dapat berita bahawa ada orang-orang yang tidak bertanggungjawab menggunakan nama Jabatan Bomba untuk memungut derma. Perhatian dan tindakan patut diambil oleh pihak Kementerian Dalam Negeri supaya cara penipuan ini tidak berleluasa. Kita tidak mahu rakyat kita mengamalkan perkara yang tidak baik ini.

Tuan Yang di-Pertua, B.17 - Kementerian Belia dan Sukan. Kita telah ketahui bahawa 70,000 ahli-ahli belia telah mengikuti kursus kepimpinan belia sejak tahun 1985 hingga tahun ini. Walau bagaimanapun, masih ramai muda-mudi yang masih belum memasuki mana-mana pertubuhan belia.

Apakah langkah-langkah Kementerian Belia dan Persatuan-persatuan Belia untuk menarik belia-belia ini memasuki Persatuan-persatuan sukarela, supaya mereka ini dapat menggunakan masa mereka dengan berfaedah dan dapat menjauhkan daripada gejala-gejala yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat sebuah Persatuan Belia Kebangsaan oleh kerana masalah pentadbirannya, Persatuan Belia ini tidak dapat berfungsi, tidakkah Majlis Belia Malaysia atau Majlis Perundingan Belia Negara dapat berbuat sesuatu untuk menggerakkan semula Persatuan Belia 4B ini.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.19 - Kementerian Pertanian. Tidak boleh dinafikan bahawa kejayaan Kementerian ini adalah hasil kerjasama Menterinya yang berdaya kreatif dengan pegawai-pegawainya yang tekun dan usaha hingga tercapai segala program termasuk akan mencetak gambar dacing atas karung baja subsidi Kerajaan.

Kita dapati selepas menuai padi terdapat jerami dan sekam padi yang hanya dibakar, adakah pihak Kementerian bercadang membuat sesuatu seperti baja dari sekam dan jerami, memandangkan berbagai teknologi baru telah dicipta oleh Kementerian ini?

Mengenai Maksud B.22 - Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Kementerian ini juga dapat menarik ramai pelancong luar negeri ke Malaysia. Kita dapati amat ramai rakyat Malaysia yang berminat untuk menyanyi atau di bidang seni suara dan seni tari. Walaupun ada kursus seni tari, saya suka hendak mencadangkan

kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk mewujudkan Sekolah-sekolah Musik bagi membolehkan rakyat mendalami dalam pelajaran seni **ini**.

Sekarang terdapat guru-guru masuk di sekolah-sekolah di seluruh negara, mungkin Kementerian Pendidikan boleh bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dalam perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.23 - Jabatan Arkib Negara. Saya difahamkan bahawa pihak Arkib Negara mengumpulkan ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin negara sebagai koleksi. Tidakkah pihak Arkib Negara bercadang rnebukukan ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin ini? Bahan-bahan apakah yang amat penting yang menjadi koleksi utama Arkib Negara?

Mengenai maksud B.25 - Kementerian Pertahanan. Tuan Yang di-Pertua, kita difahamkan bahawa Kementerian Pertahanan akan membeli 10 pesawat latihan Skyhawk jenis 100 dan 10 pesawat Skyhawk jenis 200. 4 buah kapal selam juga akan dibeli, nampaknya bagi Tentera Udara dan Tentera laut telah siap dibekalkan dengan alat-alat tadi, bagaimana dengan Tentera Darat, apakah jenis alat-alat sophisticated yang akan dibeli? Di manakah askar-askar kita akan mendapat latihan untuk menggunakan alat-alat dengan pesawat Skyhawk dan untuk membaikinya? Adakah Kementerian mempunyai pakar yang mahir atau engineer yang mencukupi?

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.34 - Kementerian Kesihatan. Kita amat berharap supaya ramai doktor sakitpuan atau doktor pakar terdiri dari kaum wanita. Kita juga minta apabila terjadi sesuatu

wabak atau penyakit dalam satu-satu musim, perkara ini hendaklah dihebahkan dengan segera melalui media masa dan kempen-kempen dijalankan segera supaya pesakit yang berkenaan dapat mengambil langkah untuk mencegahnya. Contohnya, sekarang kanser pangkal rahim yang melibatkan ramai wanita.

Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang bayi dilahirkan sama ada lelaki atau perempuan, nama bayi tersebut adalah amat penting diberi kepada jururawat di Wad Bersalin. Sekiranya seseorang ibu itu tidak memberi apa-apa nama maka bayi itu akan dinamakan dengan nama 'tanpa nama' dan jika sekiranya ibu bapa tidak melihat atau mengambil berat tentang Surat Beranak anaknya hingga masuk ke sekolah, maka 'Tanpa Nama'lah nama budak tersebut.

Saya mengesyorkan supaya nama 'Aishah' diberi kepada bayi perempuan dan 'Abdullah' kepada lelaki dan janganlah ditulis 'Tanpa Nama'.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.43 - Kementerian Kehakiman. Saya harap Biro Bantuan Guaman di negeri-negeri ditambahkan pegawai-pegawainya, memandangkan ramai yang kurang mampu dan kurang bernasib baik memerlukan perkhidmatan dan pertolongan. Pelanggan ini kebanyakan terdiri dari kaum wanita yang diceraikan oleh suami tanpa memberi apa-apa bantuan nafkah kepada anak-anak.

Pada suatu masa dahulu terdapat, rungutan-rungutan bahawa tindakan-tindakan yang diambil oleh Biro Bantuan Guaman agak lembab, jadi dengan bertambahnya pegawai, perkara ini tentu akan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.44 - Kementerian Penerangan. Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Penerangan dan

pegawai-pegawainya kerana Program KPPP yang dirancangkan sebanyak 15 kali sehingga bulan Disember ini adalah satu program yang berkesan kerana ianya mengandungi aspek-aspek 'Pembaca, Pendengar, Penonton' yang digabungkan yang boleh mencapai matlamat menyatupadukan masyarakat di samping keharmonian kaum dan mencungkil bakat-bakat kesenian.

Satu lagi program yang baik ialah menyampaikan masalah-masalah tempatan melalui radio dan dijawab oleh pihak-pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kementerian ini mempunyai program yang terancang, saya poho supaya program-program kesedaran sivik (sivic minded) mestilah selalu disampaikan kepada masyarakat manusia yang selalu lekas terlupa, ianya perlu diulang-ulangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.47 - Kementerian Pengangkutan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Kementerian yang berkenaansama ada menyimpan rekod akan kapal-kapal laut yang datang ke Malaysia dan juga kapal-kapal tempatan yang keluar dari Malaysia dengan muatan yang dibawanya. Berapa lamakah kontena-kontena itu dibenarkan berada di pelabuhan untuk memunggahkan barang-barang? Siapakah yang memastikan bahawa barang-barang yang dibawa itu tidak dicemari dengan barang-barang salah atau barang-barang yang karang bermutu. Pernahkah terjadi bahawa ada jenis-jenis kapal yang tidak dibenarkan memasuki pelabuhan dan berapa lamakah ianya dibenarkan berlabuh di pelabuhan itu?

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.54 - Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Terdapat Kelas TADIKA atau pra-sekolah di seluruh negara yang dikelolakan oleh KEMAS. Kelas-kelas ini dikendalikan

oleh guru-guru atau Pemaju Masyarakat dan ada pembantu-pembantunya. Guru-guru TADIKA ini diberi gaji bulanan, sedangkan pembantu (PM) tersebut hanya sebagai pekerja sukarela dan diberi imbuhan yang amat rendah.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan yang Pembantu Tadika juga terpaksa menjalankan tugas-tugas guru, saya syorkan supaya mereka juga diambil bekerja dengan sepenuh masa dengan tanggaji yang tertentu supaya mereka juga dapat bertugas dengan penuh tanggung-jawab.

Pelajaran pra-sekolah ini adalah satu situasi yang amat penting dalam kehidupan kanak-kanak untuk menyediakan mereka ke alam persekolahan.

Dengan kata-kata itu sekianlah sahaja dan saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1990. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim.

4.30 ptg.

Puan Hajah Salbiah binti Mohd. Akim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkaitan dengan B.4 Suruhanjaya Pilihanraya. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang telah begitu menjalankan tugas dengan baik pada Pilihanraya Umum baru-baru ini. Kejayaan pengurusan pilihanraya dengan menambahkan saluran-saluran pengundi sangat memberi erti kepada , tugas-tugas kita dan kita dapat mengetahui daripada tiap-tiap saluran pett undi itu. Tambahan pula di mana undi dibuang, di situ undi dikira. Maka dengan ini nyata sekali siapa yang menyokong kepada Kerajaan dan siapa yang tidak menyokong kepada Kerajaan. Kalau kita hendak teliti tiap-tiap seorang pengundi puti kita boleh dapati kerana mungkin agaknya ada orang yang tidak berapa memperhatikan, tiap-tiap kertas undi itu ada kod nombor. Kalaulah ada satu-satu perkara, disemak maka kita akan tahu siapa undi siapa, sampai begitu halus sekali. Saya meneliti perkara ini maka ini satu kerja yang baik dan mengucapkan setinggi-tinggi

tahniah di atas tugas Suruhanjaya Pilihanraya. Walaupun begitu teliti tetapi berkenaan dengan nama-nama yang ketinggalan ini masih lagi berlaku, masih lagi banyak pengundi-pengundi hari membuang undi tercari-cari namanya untuk membuang undi. Ini kali yang kedua saya bercakap dalam Dewan ini pada sesi ini, maka kita harap perkara-perkara yang sedemikian rupa dapat diatasi, kalau kerja-kerja yang lebih besar itu kita dapat atasi, mustahil perkara yang sekecil ini kita tidak dapat atasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Kerajaan kita, setelah kita dapati keadaan sedemikian rupa, umpamanya di satu-satu kawasan nyata sekali ataupun di satu-satu saluran pengundian itu, kadang-kadang kita kalah, kadang-kadang kita menang banyak, kadang-kadang kita dapat hanya 15 undi, maka kita tahu datangnya daripada kawasan-kawasan tertentu, apakah sikap atau tindakan Kerajaan kepada mereka. Ini pertanyaan saya. Adakah kita masih layan sebagaimana kita melayan semua orang. Kalau kita hendak sebut ini, saya tahu jawapannya, kita Kerajaan yang menjalankan dasar demokrasi, jawabnya macam itu, mesti beri semua orang, sama rata. Tetapi kadang-kadang ada kalanya adil dan saksama itu tidak dinikmati oleh orang yang benar-benar menyokong Kerajaan tetapi nikmat, keadilan dan saksama itu dapat kepada orang lain. Tetapi oleh kerana rakyat kita yang telah setia itu walau macam manapun dia tetap setia juga. Maka ini haruslah Kerajaan mengambil perhatian yang berat, kalau kita sudah selidik, sudah dapat tahu sedemikian

rupa, patut kita 'cekik' sedikit. Kalau semalam Yang Berhormat Puan Ainon kata, dicucuh, disula dengan besi hangat, tetapi kita tidaklah macam itu. Tetapi kita boleh sekat sedikit, jangan begitu laju umpamanya. Kalau pembangunankah, daripada segi apa sahaja supaya menyedarkan orang-orang ini.

Lagi satu, macam kita telah ketahui dengan nyata, perancang bandar dan luar bandar - B.15 - Perancangan Bandar dan Luar Bandar. Perlaksanaan bandar yang terima, tetapi dalam kertas ini perancangan bandar dan luar bandar. Luar bandar ini dapat nama sahaja. Perancangan kalau ada pun lewat sekali baru diterima ataupun hendak dekat pula pilihanraya 5 tahun yang akan datang barulah mula nampak perancangan itu dijalankan, ini tidak adil. Itu yang saya katakan tadi, tidak adil dan saksama. Tetapi kalau di bandar, dengan laju, dengan cepat persediaan, tidak usah kita pilih yang lainlah, kita katakan sahaja tempat taman kanak-kanak berehat, bermain. Kalau di bandar dengan segera dilaksana tetapi kalau di luar bandar tidak ada langsung. Orang luar bandar hendak pergi berehat-rehat terpaksa kalau ada kereta, dia naik kereta, kalau tidak ada kereta dia bawa anak-anak mereka pada hari Ahad naik bas ataupun sewa teksi. Tetapi kalau orang dalam bandar, senang. Ini juga mesti diperhatikan, walaupun perkara itu agak kecil, tetapi kita mahu seimbang kerana kita telah merdeka 33 tahun, pengundi yang paling setia ialah pengundi luar bandar.

Saya beralih kepada B.19 Kementerian Pertanian. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pertanian. Bagaimanakah tanah-tanah sawah yang luas di Kedah, Perak, Pulau Pinang. Di Perak, di Bagan Serai, tanah sawah yang luas di tepi jalan besar. Pada hari ini kalau kita tengok kawasan-kawasan ini telah menjadi kawasan perumahan, kawasan buat bengkel-bengkel kereta yang penuh minyak, yang mengalir kalau ada sawah berdekatan, mengalir kepada sawah yang berdekatan. Apa tindakan Kementerian Pertanian dan bagaimana tanah ini diubah daripada pertanian kepada pembangunan yang begitu pesat. Bagaimana kita kempen suruh orang bertani kalau perkara-perkara ini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, kalau satu bengkel kereta didirikan di tepi sawah, minyak atau air kotor itu mengalir ke sawah, dengan sendirinya tuan sawah itu tidak mahu bersawah padi lagi. Ini senang sahaja hendak 'perambat' tuan punya itu, senang sahaja. Dia akan lari dengan sendirinya, tidak terdaya, tidak kuasa, tinggal terus. Alasan tidak boleh hendak buat, minyak-minyak kereta banyak, ini berlaku. Kita kalau naik kereta di Negeri Perak di dalam kawasan Bagan Serai, Parit Buntar, kita dapat melihat keadaan sedemikian rupa. Begitu juga di kawasan Pulau Pinang di sebelah Kepala Batas. Begitu juga di Kedah yang telah banyak sawah-sawah padi menjadikan rumah. Apakah tindakan, apakah nasihat Kementerian Pertanian yang kita hendak majukan. Apa tidakkah ada orang yang telah kaya dengan pertanian ini, bagaimana keadaannya, sebab dia hendak berubah kepada bengkel kereta, saya rasa bengkel-bengkel ini bukan tuan punya tanah

yang punya tetapi adalah daripada sewaan-sewaan yang kecil. Lama-lama sedikit demi sedikit, sudah-sudahnya di tengah sawah itu, bengkel ini menjalar. Ini juga harus diperhatikan, setahun, sepuluh tahun, dua puluh tahun yang akan datang, apa akan jadi kalau keadaan demikian ini tidak diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit perkara berkenaan dengan Kementerian Perusahaan Awam. Oleh kerana saya kalau datang ke Kuala Lumpur ini, selalu menggunakan teksi. Saya juga dapati pemandu-pemandu ini hanya memandu sahaja tetapi teksi itu bukan dia punya. Ada yang pernah bercerita sudah berbelas-belas tahun, dia cuma membawa teksi sewa sahaja tetapi ada orang lain yang dapat lesen-lesen itu.

Ini juga harus diperhatikan orang-orang yang miskin sedemikian, ada setengah orang itu dengan mudah dia dapat. Dia tidak gunakan bagi orang. Tetapi orang yang benar-benar susah, kita tidak ambil perhatian walaupun ada permohonan.

Saya merayulah, Tuan Yang di-Pertua, kepada Kementerian berkaitan patutlah kita adil dan saksama kepada orang yang sedemikian rupa, sebab kita selalu melaungkan membela nasib orang susah, nasib orang ini, tetapi mungkin tidak sampai. Kalau air menitis, mungkin tidak tetap kepada orang-orang ini, tidak sampai kepada orang yang patut menerimanya. Maka apabila pilihanraya, perkara-perkara sedemikian rupalah jadi peluru mereka menghentam Kerajaan balik. Kita buktikan kepada mereka, kepada rakyat, lambang 'dacing' itu, dacing ini ada neraca yang *timbang* rasa, adil, maka kita kena buatlah sedemikian rupa. Kalau dahulu tidak mengapalah, tetapi di zaman sekarang sudah 33 tahun, maka kita mesti menjalankan keadilan ini seadilnya untuk rakyat jelata. Saya juga ingin menyentuh Kementerian Penerangan. Kementerian Penerangan ini kita hendak kata pun seolah-olah hendak kata, tidak kata; tidak kata mesti hendak kata. Macam kita curah air di daun keladi, tidak berbekas. Daripada siaran, bukan bertambah baik, bertambah tidak menarik hati, Jadi, tidak usah cakap banyak-banyaklah saya rasa, sudah banyak orang-orang yang menyuarakan perkara-perkara ini, maka apa yang saya harap kepada Kementerian Penerangan patut semak, kita buat elok-elok supaya semua orang senang hati.

Begitu juga daripada segi siaran-siaran akhbar. Kita tidak tahu yang mana lebih mulia, yang mana lebih baik. Kalau kita tengok dalam suratkhbar, ada berita-berita yang penting tidak pernah di muka depan. Tetapi kalau bintang filem hendak kahwin ataupun gossip

sahaja, muka depan besar, ini apa? Mengapa berlaku begitu, bukan kita dengki perkara ini, tetapi tidak seimbang. Keadilan dan saksama tidak terjadi. Bintang filem bertunang, gossip baru girlfriend, boyfriend berkahwin oh! besar-besar cerita. Satu lagi, kalau ada cerita-cerita yang pelek, cerita-cerita yang besar-besar muka depan. Tetapi kedua-dua Dewan bermesyuarat, terutama di Dewan Rakyat berbulan-bulan, sekerat sahaja suratkhobar yang berisi. Apa akibatnya kepada pengundi? Pilih Wakil Rakyat duduk dalam Dewan, mengantuk, tidak bercakap. Tengok dalam suratkhobar tidak ada padahal berjam-jam duduk. Ini penting. Kenapa, mengapa tidak buat cerita? Pada saya, tidak payahlah, tetapi yang penting-penting itu. Tetapi sudah menjadi lumrah saya perhatikan, kalau cerita bintang filem hendak kahwin, hendak bertunang, hendak akad nikah, hendak apa pada bulan depan heboh. Kalau perkara-perkara yang benar-benar ini tidak ada ambil perhatian, ini juga patut diperbaikilah walaupun hendak lakukan suratkhobar.

Lagi satu B.51, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Kita ucapkan tahniahlah kepada Kementerian yang baru ini. Apa yang kita harap, biarlah dia benar-benar berfungsi untuk masa depan, terutama sekali mengawasi atau mendapat ketahuian dengan nyata, dengan segera perkara-perkara yang patut diambil berat oleh Kementerian ini.

Saya beralih kepada B.52, Kementerian Kerjaraya. Saya menyentuh sedikit berkenaan jalanraya di Pulau Pinang, terutama sekali di Seberang Prai daripada Butterworth pergi ke Nibong Tebal. Sudah 33 tahun merdeka, jalan besar itu juga, tidak ada perubahan. Menteri sudah berapa kali berubah, jalanraya pun besar itu juga. Saya rasa kalau kita naik kereta sampai di sana masuk kawasan Pulau

Pinang daripada Nibong Tebal hendak sampai ke Butterworth ataupun simpang hendak masuk ke jambatan, satu jam baru sampai, lebih kurang 24 batu. Ini menunjukkan jalan itu sempit, kereta yang banyak dan sentiasa ada perlanggaran. Ini patut diambil perhatianlah supaya diperbesar, sebagaimana jalan-jalanraya di tempat lain.

Saya menyentuh kepada B.54 Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya mengucapkan setinggi tahniah kepada Kementerian ini kerana pada dua, tiga hari yang lepas, Setiausaha Parlimen kepada Kementerian ini menyatakan tidak ada banyak soalan berkaitan dengan pembangunan luar bandar. Memang benar kerana saya rasa satu Kementerian yang sebahagian daripada ini yang begitu tepat sekali namanya. Kalau ada di bawahnya KEMAS, maka KEMAS ini memang kemaslah. Kita mengucapkan tahniah kepada agensi yang di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini iaitu kemas. Kemas bekerja siang malam, tidak kira masa dengan tidak mendapat tambahan imbuhan. Ini patut diperhatikan. Saya sudah banyak kali sebut. Kalau orang lain naik gaji, berilah naik gaji - ini orang-orang kerja kuat, yang betul-betul menaikkan negara ini. Di sana banyak yang harus kita perbaiki kedudukan mereka kerana mereka sangat taat pada kerja-kerja. Kalau kita tidak tengok memang kita tidak tahulah, tetapi kalau kita tengok sendiri dengan mata kita waktu mereka bekerja, baru kita insaf diri kita. Ini sebab kita suarakan di dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua. Kerja-kerja dan tugas mereka bukan satu perkara, bukan hanya KEMAS dia hendak jaga, yang kecil-kecil, tetapi dia jaga keseluruhan, termasuk kerja-kerja untuk membangun negara ini. Ini patut diberi perhatian berat. Tetapi sayang sekali, walaupun perkara ini telah banyak kali yang kita katakan, nampaknya takok lama jugalah.

Saya mengambil sedikit masa lagi iaitu menyentuh Jabatan Perpaduan Negara. Jabatan Perpaduan Negara dan KEMAS ini agak nya lebih kurang, tetapi perpaduan negara ini saya rasa diperbaikilah supaya berfungsi benar sebagaimana nama itu.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh kepada Jabatan Hal Ehwal Orang-orang Asli. Saya ada dua tiga perkara lagi, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Jabatan Orang Asli ini patut kita ambil perhatian berat sebagaimana yang telah disarankan oleh Yang Berhormat wakil kaum **ini**, maka kita ambil perhatianlah hal mereka pada lima tahun yang akan datang ini,

Saya minta maaf, saya ada dua tiga perkara lagi yang saya hendak sentuh, tadi saya Kata yang akhir, berkaitan dengan B.36 - Polis Di Raja Malaysia. Saya rasa Polis ini kita mengucap tahniahlah kerana mereka telah banyak berjasa, terutama sekali di waktu pilihanraya, kita dapat bekerja dengan baik dengan kerjasama yang kuat daripada mereka. Tetapi bagaimana dengan tentera? Perumahan tentera sangat kurang, kita perlu mengambil perhatian berat kerana mereka ini betul-betul menjaga negara ini, memberi keamanan dan dengan keamanan itu kita dapat hidup dengan sempurna, semua orang boleh senang, tidak bimbang, tiada pergaduhan yang besar-besar yang ditanggungjawabkan kepada mereka. Kalau sekiranya rumah-rumah ini disediakan atau dikhaskan untuk tentera untuk mereka beli, kalau suami mereka sudah meninggal, balunya harus mendapat rumah ini. Kerajaan mesti atur dengan sempurna supaya mereka tidak pergi ke mana-mana. Itu kehendak mereka. Begitu juga biasiswa kepada anak-anak tentera dan kepada tentera itu sendiri yang hendak bersara. Mereka kalau hendak bersara lagi enam bulan telah dimasukkan mereka ini di dalam satu bahagian supaya dapat menyesuaikan diri mereka dengan orang ramai. Tentera bukan macam kita pencen 55 tahun sudah tua, tidak boleh buat kerja lagi. Mereka masih segar, kuat dan bertenaga mencari kehidupan dengan sempurna lagi. Kita kena latih dia semula, beri dia tempat untuk dia menyambung hidupnya pada masa yang akan datang.

Satu lagi, ini yang penghabisan iaitu berkaitan dengan Ahli-ahli Dewan - Perbendaharaan dan Perbendaharaan ini tentulah di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya rasa Senator ini jumlahnya tidak

banyak. Apakah salahnya kalau hendak pergi melawat satu-satu negeri diberi satu dua peluang, Menteri-menteri lain itu kadang-kadang berduyun-duyun yang mengekori, mengikuti. Menteri itu pergi. Tidak adakah pelawaan, tidak nampakkah Senator-senator?

Tuan Yang di-Pertua, pada satu ketika Yang Amat Berhormat telah datang di perjumpaan kita berkaitan dengan Pre Council. Saya menyuarakan perkara ini. Berilah peluang kalau pergi ke mana-mana itu satu dua seat untuk Senator ini pergi supaya mereka dapat menimba pengetahuan. Sampai hari ini tidak ada pun. Masa cakap itu serta merta tulis, masa itu Menterinya Kasitah Gaddam, sekarang sudah tidak ada lagi, dia tulis. Tunggu punya tunggu, sampai pilihanraya habis, sampai Senator-senator sudah tinggal kosong hari ini hanya tinggal berapa puluh orang sahaja, satu pun tidak dapat peluang. Sangat menyedihkan, Mungkin saya bercakap hari ini. untuk orang yang akan datang. Saya syukurlah, saya hendak dengar ada Senator-senator yang pergi, Kalau adapun rombongan-rombongan Senator yang pergi keluar negeri itu adalah atas daya usaha kita sendiri, tidak ada siapa tolong pun. Jadi bila pergi ke mana-mana itu bagilah peluang, kalau wanita ambil dua orang, sebab mereka kalau tidak berkawan susah, tetapi jangan bagi suaminya, sama-sama Senator - bagi dua Senator wanita. Lain kali siapa pula pergi ke luar negeri, bagi peluang lagi, lama-lama habislah. Orang asyik pergi merata, Senator tengok sahaja asap kapal terbang, apa pun tidak ada. **[Tepuk]** Bila pilihanraya kita pergi merata tempat, poket sendiri, tidak minta dari siapa, sebab rasa tanggungjawab. **[Tepuk]**

Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebutkan keadilan dan saksama itu memang tidak kena pada tempatnya, usahkan orang yang di bawah

yang berpangkat macam kita ini pun tidak dapat rasa. Jadi sekian, wabillahitaufik wassalamualaikumwarahmatulla hiwabarakatuh.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASRAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato Dr. K.S. Nijhar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(2), Dewan ini hendaklah ditangguhkan apabila perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990)(No.2) telah selesai dipertimbangkan dan Dewan ini hendaklah bersidang semula pada hari Isnin 18hb. Februari, 1991 jam 2.30 petang.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua [Dato' Chan Choon Tak]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang dikemukakan ialah:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(2), Dewan ini hendaklah ditangguhkan apabila perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990)(No.2) telah selesai dipertimbangkan dan Dewan ini hendaklah bersidang semula pada hari Isnin 18hb. Februari, 1991 jam 2.30 petang.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (2) Dewan ini hendaklah ditangguhkan apabila perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990)(No.2) telah selesai dipertimbangkan dan Dewan ini hendaklah bersidang semula pada hari Isnin 18hb. Februari, 1991 jam 2.30 petang..

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1989 dan 1990)(No.2)

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN)(BIL.2) 1990

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Tuan Chong Chi Siong untuk berucap.

Tuan Chong Chi Siong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberi satu peluang yang begitu baik kepada saya bagi mengambil satu kesempatan untuk membahaskan satu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Maksud B.9, peruntukan sebanyak \$9.9 juta adalah dikehendaki untuk Jabatan Perangkaan bagi membiayai kerja-kerja persediaan banci 1991 dan banci percubaan. Saya telah difahamkan banci percubaan telah dijalankan pada bulan Ogos, 1990 dan banci 1991 akan dilaksanakan pada bulan Ogos, 1991. Apa yang berlainan kali ini ialah banci 1991 ini, akan dijalankan selepas 11 tahun banci perumahan dan kependudukan penduduk 1980.

Di masa lepas banci dibuat setiap 10 tahun dan mengapa kali ini tidak dibuat pada tahun 1990. Bagaimana perbandingan dapat dibuat dengan baik jika selama ini kita buat banci sekali setiap 10 tahun tetapi kali ini selepas 11 tahun. Apa pula sebabnya banci yang sepatutnya dibuat tahun 1990 telah dipindah ke tahun 1991.

[Tuan Adam bin Kadir **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, tambahan sebanyak \$8 juta adalah dipohon di bawah Maksud B.29 Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk membayar balik premium kepada Ascot Sports Sdn. Bhd. setelah syarikat ini mengembalikan lesen perjudian mereka kepada Kerajaan. Yang kita ingin tahu di sini kenapa Kerajaan perlu membayar premium sebanyak \$8 juta kepada syarikat **ini**. Adakah Kerajaan yang mengarahkan tutup atau syarikat itu rela berbuat demikian?

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Maksud B.58 ialah untuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Saya difahamkan Kementerian ini pada masa sekarang masih berpejabat di Jalan Duta dan telah mengenal pasti Menara Maybank untuk menempatkan pejabatnya. Saya beranggapan Kementerian ini sangat rapat dengan pengguna dari segi tugasnya. Dengan itu lokasi pejabatnya harus mudah dikunjungi oleh pengguna. Takkan hendak mengadu 'mineral water' palsu pun kena pergi ke Menara yang bertingkat-tingkat tingginya.

Tuan Yang di-Pertua, maksud B.28 memohon \$1.3 juta untuk Perbendaharaan bagi menampung perbelanjaan Mengurus Lembaga Pembangunan Langkawi yang telah ditubuhkan awal tahun 1990. Seperti yang ktta sedia maklum seluruh Pulau Langkawi telah diisytiharkan sebagai kawasan Majlis Daerah Langkawi. Di Kedah pula terdapat

Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Kedah. Jadi apa pula fungsi Lembaga Pembangunan Langkawi itu? Bagaimana dia menjalankan tugas bersama-sama dengan Majlis Daerah Langkawi dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perancang Bandar dan Desa pula memohon \$0.8 juta di bawah Maksud P.19 untuk membiayai antara lain program pengawasan dan penyelarasan Taman Awam. Saya rasa program ini amat baik dan perlu dipanjangkan kepada Jabatan Perancang Bandar dan Desa peringkat negeri. Ini adalah penting kerana apa-apa bantuan yang diminta oleh pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Daerah yang tidak ada Pegawai Perancang Bandar atau Akitek Landscape selalunya kena tunggu lama atas alasan tiada priority. Jadi usaha Majlis Daerah mengindahkan sesuatu kawasan hanya terdapat kepada penanaman pokok-pokok bunga sahaja. Oleh itu eloklah Jabatan Perancang Bandar dan Desa meminjam seorang Akitek Landscape yang akan direkrut di bawah program pengawasan dan penyelarasan Taman Awam kepada jabatannya di peringkat negeri untuk memberi perkhidmatan kepada Majlis-majlis Daerah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan Maksud B.54 Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Dengan pengumuman bahawa perkataan baru "Kampung Baru" dihapuskan saya ingin tahu apakah nasib kampung baru yang terletak di luar kawasan pihak berkuasa tempatan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Dewan ini pada 18.12.1990 Kampung Baru yang masuk dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan akan dijaga dan diberi peruntukan di bawah sektor bandar. Jadi Kampung Baru yang diluar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan seharusnya dijaga dan diberi peruntukan di bawah sektor luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah B.26 sebanyak S98 juta dipohon oleh Kementerian Pendidikan. Kita tahu pendidikan di peringkat universiti telah berkembang dengan pesatnya. Ramai pelajar ingin pergi ke universiti. Jadi saya ingin tahu bagaimana dengan keputusan Kerajaan yang diumumkan oleh Yang Berhormat Dato' Musa Hitam beberapa tahun yang lalu iaitu nisbah kemasukan pelajar bumiputera dan bukan bumiputera iaitu 55:45 adakah dia telah dipraktikalkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan B.52 Kementerian Kerja Raya untuk menarik pelancong yang berpotensi ke negara kita, pantai Port Dickson yang mempunyai pantai yang indah dan kerana berdekatnya dengan bandar Kota Melaka yang bersejarah mesti disambungkan. Walaupun rancangan telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk menyambungkan Tanjung Agas di Negeri Sembilan dan Kuala Sungai Baru di Melaka dengan sebuah jambatan tetapi sehingga masa kini masih belum dilaksanakan. Jambatan tersebut akan mengurangkan masa perjalanan antara Tanjung Bidara dan Port Dickson dan akan membuka tempat berkenaan untuk pembangunan masa depan. Di samping itu Akademi Marin dan sekelilingnya akan bertambah menjadi satu aspek penarikan pelancong. Kami mencadangkan bahawa Kementerian Kerja Raya perlu merancang pembinaan jambatan tersebut khususnya di bawah Rancangan Malaysia Yang Keenam dari 1991 hingga 1995. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan perlu beri galakan atas projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan B.17 Kementerian Belia dan Sukan. Dorongan dan insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan dan pihak swasta kepada squad Piala Thomas kita telah membuktikan bahawa ahli sukan negara kita dapat menunjukkan kekuatan dan pakat mereka

dalam bidang sukan apabila kewajipan mereka terjamin. Taraf kehidupan pemain-pemain yang mewakili negara kita dalam bidang sukan perlu dijaga dengan sempurna. Ini akan mendorong ahli sukan negara kita mengeluarkan kebakaran yang lebih semasa menyertai pertandingan. Latihan insentif yang relah dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan dilakukan oleh skuad badminton kita juga boleh diikuti oleh pemain-pemain sukan yang lain seperti sepak takraw, bola keranjang, permainan wau dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan B.18 Kementerian Perusahaan Awam, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana telah berjaya mengendalikan Persidangan Kemuncak G.15. Kerajaan kita sememangnya telah mengambil satu langkah yang bijak dan baik untuk meninggikan ekonomi negara kita. Hubungan erat dan persefahaman antara negeri-negeri Selatan-Selatan pada masa kini dapat mengurangkan kepercayaan terlampau atas negeri-negeri Utara-Utara. Kita perlu mengutamakan perdagangan komoditi utama negara kita seperti minyak sawit, getah dan hasil pertanian. Antara negara Selatan-Selatan yang dapat menyerapkan kepakaran teknologi seperti tenaga solar dari negeri Selatan-Selatan khususnya di negara India dan Yugoslavia ke negara kita.

Negara kita mempunyai tenaga solar yang berlebihan. Kerajaan kami perlu memperluaskan penggunaan tenaga solar tersebut melalui teknologi dan alat-alat tenaga solar terutamanya harga minyak yang meningkatkan sekali-kali di pasaran dunia pada setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan B.34 - Kementerian Kesihatan. Walaupun Kerajaan kita telah mewujudkan satu Pusat Jantung Nasional untuk mengawal kes penyakit jantung yang kini lebih meningkat di negara kita, kami masih perlu 'life support system', dengan izin, yang mulanya di Hospital Daerah di seluruh negara. Rekod perubatan telah menunjukkan bahawa lebih dari 50% pesakit dari serangan pertama sakit jantung dapat membawa maut kepada pesakit. Jika seluruh Hospital Daerah mempunyai alat 'life support system', dengan izin, yang lengkap, nyawa pesakit akan diselamatkan sebelum pesakitnya dihantarkan ke Pusat Jantung Nasional. Kami mencadangkan bahawa seluruh Hospital Daerah perlu dilengkapi dengan alat-alat 'life support system', dengan izin seperti alat oksigen kecemasan dan semua doktor-doktor perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang 'Coronary heart case', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat kecewa bila mendapati tidak cukup mesin dialysis di General Hospital Kuala Lumpur. Pesakit buah pinggang terpaksa keluar dari hospital ke klinik swasta untuk menjalankan rawatan dua kali sebulan dengan bayaran lebih kurang \$200 satu kali. Terdapat juga beberapa buah mesin merawat kaum yang tertentu sahaja kerana dibantu oleh tabung-tabung berkenaan. Lebih-lebih lagi di atas sebuah mesin tersebut berfungsi di General Hospital Seremban walaupun rancangan itu telah lama dirancangkan.

Saya berharap Kementerian Kesihatan menitikberatkan masalah ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya demi kepentingan orang ramai terutamanya kepada golongan miskin.

Tuan Yang di-Pertua, dengah hujah-hujah dan juga teguran-teguran di atas, saya sokong cadangan usul ini dan akhirnya saya ucapkan terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Tidak ada lagi yang bercakap, saya minta pihak Menteri Kewangan menjawab. Silakan.

5.14 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990) (No. 2) yang telah dibentangkan bagi Kementerian-kementerian dan Jabatan yang berkenaan. Saya akan cuba memberi penjelasan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut maklumat yang saya terima daripada Kementerian dan Jabatan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King telah membangkitkan banyak perkara, antaranya ialah mengenai risalah-risalah pelancongan yang belum dikeluarkan dalam berbagai bahasa oleh pihak yang berkenaan untuk panduan pelancong-pelancong yang datang dari luar negeri. Sukalah saya menjelaskan bahawa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia memang telah menyediakan risalah-risalah pelancongan dalam berbagai bahasa iaitu Inggeris, Jepun, Jerman Perancis, Mandarin, Itali, Sepanyol, Arab, Thai dan Korea.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King bagi menambahkan bilangan kampus di universiti tempatan, adalah menjadi dasar Kementerian Pendidikan bahawa penubuhan sesebuah universiti dan cadangan universiti sebenarnya berasaskan kepada permintaan dan keperluan-keperluan tenaga kerja negara. Universiti-universiti yang sedia ada berupaya membesarkan kampusnya bagi menampung pertambahan pelajar masa kini. Sementara itu, mengenai cadangan bagi menambahkan kursus seperti kursus perubatan, untuk makluman Yang Berhormat, sebuah Fakulti Perubatan akan ditubuhkan di Universiti Islam Antarabangsa di samping kursus-kursus perubatan yang sedia ada di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan dan juga Universiti Sains Malaysia.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat supaya Kementerian Pendidikan mengadakan satu dasar yang flexible untuk murid-murid SRJK Cina dan Tamil yang mendapat 6A terus ke Tingkatan Satu boleh dimajukan untuk pertimbangan. Walau bagaimanapun, adalah menjadi dasar Kementerian Pendidikan untuk memastikan murid-murid SRJK perlu lulus ujian khas Bahasa Malaysia bagi menentukan taraf serta mutu Bahasa Malaysia murid-murid tersebut dapat dipertahankan supaya mereka dapat mengikuti semua matapelajaran di Tingkatan Satu yang diajar dalam Bahasa Malaysia.

Mengenai isu guru-guru yang mengikuti kursus bagi matapelajaran kemahiran manipilatif dan kemahiran hidup tidak dapat kelengkapan yang cukup yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak, adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan telah menggunakan tempat-tempat yang mempunyai kemudahan teknikal dan alat seperti di Politeknik Ungku Omar dan Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim. Di samping kelengkapan tersebut, Kementerian

Pendidikan juga memberi peruntukan kewangan untuk memastikan alat-alat yang diperlukan adalah mencukupi.

Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak telah bertanya apakah faedah yang dapat diberikan oleh bantuan teknikal bagi industri kecil dan sederhana kepada para peniaga kecil dan juga perkara mengenai di manakah taman-taman awam yang akan dijaga oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai faedah-faedah tabung bantuan teknikal industri kecil dan sederhana, sukalah dijelaskan bahawa tabung ini akan memberikan faedah-faedah kepada para peniaga kecil yang terlibat dalam sektor perkilangan melalui skim seperti berikut: iaitu yang pertama deraf kajian kemungkinan, yang kedua pembangunan dan rekabentuk produk, yang ketiga peningkatan kualiti dan produktiviti; dan keempat pembangunan dan pemasaran.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan berkenaan dengan taman-taman awam yang dijaga oleh Jabatan Pembangunan Bandar dan Desa, ingin saya jelaskan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa akan membangunkan sekurang-kurangnya satu taman awam di setiap negeri mulai tahun 1991 bagi pihak Kerajaan Negeri. Jabatan ini akan menyelaras dan mengawas perancangan pembangunan dan penjagaan semua taman-taman awam di seluruh negara. Pemilikan taman-taman awam adalah tertakluk berdasarkan kepada faktor-faktor berikut; iaitu yang pertama pintu masuk ke negara; yang kedua ibu negeri, ketiga, keperluan pelancongan; dan yang keempat, keperluan sosial setempat dan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang cadangan Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin supaya Kementerian Pendidikan menyelaraskan kurikulum dan ko-kurikulum Pendidikan pra-sekolah

di semua tadika supaya selaras dengan kehendak Kerajaan, Kementerian Pendidikan sememangnya telah pun menyediakan garis panduan kurikulum pra sekolah bagi pusat-pusat pra sekolah termasuk tadika-tadika swasta. Usaha-usaha untuk memperkemaskan lagi pentadbiran tadika memang sedang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi lain yang terlibat.

Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin juga telah membangkitkan kononnya berlaku penyelewengan di negeri Kelantan dalam Pilihanraya Umum 1990 ini. Beliau mendakwa bahawa terdapat kakitangan-kakitangan SPR yang membantu Pembangkang untuk memenangi pilihanraya itu. Dalam hal ini, sukacita dimaklumkan bahawa SPR sangat-sangat menghargai aduan-aduan daripada orang ramai mengenai dengan pengendalian pilihanraya, terutama yang melibatkan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan SPR. Saya ingin memaklumkan Yang Berhormat Senator bahawa kakitangan-kakitangan pilihanraya di semua peringkat telah diberi amaran dan ingatan berkali-kali supaya berlaku -adil dan tidak menyebelahi mana-mana pihak ketika mengendalikan pilihanraya. Perbuatan-perbuatan penyelewengan adalah melanggar Akta Pilihanraya 1954. Walau bagaimanapun, dukacita saya memaklumkan bahawa tindakan lanjut tidak dapat diambil terhadap aduan-aduan yang melibatkan kakitangan pilihanraya kecuali aduan-aduan itu disertai dengan bukti-bukti yang jelas bagi membolehkan SPR menjalankan siasatan dan mengambil tindakan. Sekali lagi saya menekankan bahawa SPR tidak dapat bertolak ansur dengan mana-mana pihak yang telah cuba mencatitkan perjalanan pilihanraya dengan menyokong mana-mana pihak kerana ini semata-mata akan menghabiskan kepercayaan awam kepada SPR sebuah badan bebas dan berkecuali.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin juga seterusnya meminta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memberi penjelasan apakah pengertian kesenian dan

bagaimana dasar kesenian yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Apakah kesenian yang akan dibentuk dan yang diperkembangkan. Beliau juga berharap dasar kesenian yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mestilah berteraskan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, tumpuan dan tekanan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan lebih kepada perkara-perkara kesenian ataupun arts yang mana sekarang ini tidak berapa jelas. Dengan ini, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan mengarahkan perhatiannya kepada bentuk-bentuk kesenian yang meliputi seni drama, seni opera, seni gubah, seni muzik dan lain-lain yang lebih ethnic natural.

Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin telah mengeluarkan rasa tidak berpuas hati dengan perkembangan Dasar Kebudayaan Kebangsaan sekarang ini dan menyifatkan sebagai dasar kebudayaan rojak. Beliau juga berharap Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan Kementerian Penerangan menyelaraskan aktiviti-aktiviti dan program kebudayaan, terutamanya kesenian supaya sesuai dengan kehendak-kehendak Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah jelas dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Ini dibuktikan dengan kegiatan Kementerian yang telah memberi tumpuan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini. Walau bagaimanapun, unsur-unsur lain tidak dapat dielakkan kerana atas kepentingan-kepentingan tertentu dan pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan mengambil perhatian yang lebih serius terhadap harapan Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin supaya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan Kementerian Penerangan

menyelaras aktiviti-aktiviti dan program kebudayaan, terutamanya kesenian supaya sesuai dengan kehendak-kehendak Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin juga mengharapkan pihak Jabatan Hal- Ehwal Orang Asli dapat mempertingkatkan taraf kehidupan masyarakat Orang Asli dan melibatkan wanita Orang Asli untuk peluang-peluang dari segi krattangan dan pertanian

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi matlamat Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk membangun dan mempertingkatkan taraf penghidupan masyarakat Orang Asli dari bidang pembangunan dan sosio ekonomi agar taraf mereka setaraf dengan masyarakat lain di negara kita **ini**. Untuk mencapai matlamat tersebut, telah dikenalpasti bahawa terdapat tiga bentuk strategi telah digunakan, iaitu meningkatkan daya pengeluaran pertanian terutama melalui pembangunan *in-situ*. Strategi ini memberi tumpuan kepada pengubahan cara pertanian Orang Asli ke arah pertanian moden. Yang kedua, meningkatkan daya pengeluaran perusahaan dan perindustrian Orang Asli akan melibatkan dalam perusahaan-perusahaan yang memerlukan kemahiran yang sewajarnya, terutama di dalam industri-industri kecil dan krattangan. Yang ketiga, menggalakkan perkembangan industri tempatan koperasi dan pengusaha kecil di kalangan Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan strategi tersebut, tiga bidang program pembangunan ekonomi di kalangan Orang Asli seperti berikut:

- (1) Pertanian. Diwujudkan untuk memodenkan sistem dan teknik-teknik pertanian di kalangan Orang Asli menerusi pembukaan tanah, bumi hijau, projek-projek kecil dan ternakan dan perikanan.

- (2) **Perusahaan.** Mengembangkan perusahaan-perusahaan dengan tujuan mempertingkatkan ekonomi Orang Asli, ini termasuk perusahaan kecil kraftangan dan perusahaan teratak, pengeluaran dan pemerosesan sumber-sumber semulajadi hutan seperti rotan, buluh, kayu dan lain-lain dengan tujuan Orang Asli akan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti hiliran dan yang ada value added.
- (3) **Institusi.** Berkaitan dengan pembangunan koperasi dan institusi-institusi masyarakat setempat.

Tuan Yang di-Pertua, ke arah meningkatkan daya pengeluaran di kalangan masyarakat Orang Asli, sebahagian besar daripada peruntukan di bawah peruntukan Pembangunan yang telah diluluskan oleh Kerajaan bagi melaksanakan projek-projek, terutama di sektor pertanian dan perusahaan ataupun perindustrian kecil, agensi pelaksana seperti FELCRA,, FELDA telah memberikan kerjasama sepenuhnya di dalam projek pembukaan tanah dengan tanaman getah ataupun kelapa sawit. Pelaksanaan secara in-situ tanaman getah, kelapa sawit dan dusun-dusun buah-buahan diberi perhatian yang berat dari masa ke semasa.

Dalam bidang perusahaan perindustrian kecil pula, projek-projek dilaksanakan di bawah pengawasan rapi dan khidmat nasihat. FRIM serta Krattangan Malaysia. Projek-projek ini diperuntukkan dengan memberi keutamaan membuka peluang dan mempertingkatkan keupayaan penglibatan kaum wanita Orang Asli dalam bidang kraftangan. Pada keseluruhannya Jabatan akan terus berusaha mempertingkatkan bagi mengeksportasi se-berapa produktif sumber-sumber alam yang mempunyai faedah yang me-mihak kepada Orang Asli seperti rotan, ,buah-buahan hutan, kawasan pelancongan, kemahiran kraftangan, tanah liar dan sebagainya yang mana bidang-bidang ini boleh memberi hasil pendapatan secara terus bagi membangunkan sosio ekonomi masyarakat Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penganiayaan kanak-kanak dibangkitkan oleh Yang Berhormat.Senator Puan Ainon Ariffin, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sedar bahawa masalah sosial ini adalah serius dan memerlukan tindakan yang tegas. Sebagaimana yang termaklum, ke arah ini beberapa tindakan telahpun diambil oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Di antaranya ialah menggubal Rang Undang-undang Akta Perlindungan Kanak-kanak yang dibentangkan pada peringkat Bacaan Kali Pertama dalam Mesyuarat Parlimen pada sesi ini dan menubuhkan Pasukan Perlindungan anak-anak di tiap-tiap negeri menjalankan Kempen Keluarga Bahagia untuk mengukuhkan institusi keluarga dan menubuhkan TELEDERA untuk menerima aduan daripada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat juga berpendapat bahawa gejala sosial ini tidak dapat diatasi tanpa penyertaan orang ramai. Mengenai perkara ini, tindakan telah dan sedang diambil untuk menggembeling bantuan dan kerjasama orang ramai dan pertubuhan-pertubuhan sukarela. Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Jawatankuasa-jawatankuasa Sukarelawan diwujudkan adalah cadangan yang baik dan akan dikaji oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Saya suka menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa masalah penganiayaan kanak-kanak akan dikawal dengan rapi oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat secara berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan Yang Berhormat Tuan C. Krishnan yang mengatakan Kementerian Pendidikan dengan

sewenang-wenangnya telah menukarkan tanpa ganti 20 orang guru dari sebuah Sekolah Menengah Sungai Pelek, Sepang, Kementerian Pendidikan memandang berat atas dakwaan tersebut. Kedudukan sebenarnya ialah seramai 28 orang guru yang memohon bertukar dari sekolah tersebut dan ini adalah merupakan perkara biasa yang berlaku di mana-mana sekolah pada setiap tahun. Dari jumlah tersebut, hanya 18 orang guru sahaja yang telah diluluskan pertukarannya. Kekosongan ini telahpun diisi oleh 12 orang guru dan 6 orang guru lagi dijangka akan melaporkan diri secepat mungkin. Oleh itu, dakwaan Yang Berhormat yang berkenaan adalah tidak berasas sama sekali dan Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil berat tentang masalah-masalah seperti ini dan bertindak segera supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan licin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tiong Hiew King mencadangkan supaya tempoh tinggal bagi warganegara Korea dan Jepun yang sekarang ini dibenarkan tinggal selama 3 bulan di Sabah dipanjangkan khususnya bagi urusan perniagaan selama 1 tahun dengan visa berulangkali.

Tuan Yang di-Pertua, pentadbiran visa dan pas lawatan adalah dibuat berasaskan kepada peraturan-peraturan tertentu. Bagi warganegara Jepun dan Korea ianya diasas kepada Perjanjian Penghapusan Separuh Visa yang dibuat oleh Malaysia dengan kedua-dua negara tersebut. Di bawah perjanjian itu, warganegara Korea dan Jepun dibenar tinggal selama 3 bulan jika masuk tanpa visa. Sekiranya seseorang warganegara Jepun dan Korea.....

Tuan Adam bin Kadir: Jika masuk tanpa visa?

Dato' Loke Yuen Yow: Tanpa visa. Sekiranya seseorang warganegara Jepun dan Korea perlu berada di negara ini melebihi 3 bulan, ia bolehlah memohon visa dengan rujukan yang mana ia boleh dibenar tinggal mengikut keperluan dan visa berulang kali sememangnya telah diberikan kepada warganegara Jepun dan Korea serta lain-lain warganegara asing yang datang ke sini untuk urusan perniagaan ataupun perdagangan.

Yang Berhormat Senator Puan Ainon binti Ariffin membangkitkan berkenaan dengan masalah-masalah pendaftaran kontraktor-kontraktor kecil yang dikendalikan oleh Pusat Khidmat Kontraktor iaitu PKK dan permohonan lesen yang dikendalikan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan yang memakan masa yang panjang.

Tuan Adam bin Kadir: Maksud Yang Berhormat, Pelesenankah?

Dato' Loke Yuen Yow: Ya, Lembaga Pelesenan Kenderaan, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Susah baca tulisan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan ingin memberi sedikit pandangan atas hujah-hujah yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan Kementerian ini sentiasa mengambil ingatan tentang pendidikan moral dalam menyiarkan program-program TV dan radio serta menjalankan peranannya di bawah agensi-agensi lain. Adalah menjadi dasar RTM dalam menjalankan peranannya memberi hiburan, mendidik dan memberi penerangan kepada para penonton. Ia juga membina sikap peribadi, pemikiran dan nilai-nilai yang sesuai yang menyokong pembangunan sosio ekonomi masyarakat selaras dengan cita-cita negara untuk mewujudkan satu masyarakat yang harmonis, maju dan bersatu-padu.

Untuk mencapai tujuan tersebut dalam pelaksanaan, RTM terpaksa memakai rancangan-rancangan yang juga mempunyai unsur-unsur Barat dan Timur dan ini cuma merupakan satu pendedahan terhad kepada penonton tentang dunia luar semata-mata supaya mereka mengetahui tentang program-program dari luar negeri. Walau bagaimanapun, semua siaran RTM adalah berpandukan oleh kod etika penyiaran supaya ianya bersesuaian dengan penonton majmuk negara ini dan Kementerian ini mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberi pandangan-pandangan dan Kementerian ini akan mengambil tindakan yang sesuai mengikut keadaan dan kehendak masa. Pandangan ini adalah pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meringkaskan gulungan saya.

Yang Berhormat Puan Hajah Rosnah bertanya adakah terdapat penyelidikan untuk membuat baja dari sekam ataupun jerami padi. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, baja organik yang menggunakan sisa kelapa sawit dan jerami memang ada digunakan. Kajian lanjut mengenai penggunaan sekam sedang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan dan penjelasan yang dapat saya berikan atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan bagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1989 dan 1990)(No.2).

Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasihlah di atas cadangan-cadangan ataupun saranan-saranan Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang mana-mana tidak dapat dijawab, saya yakinkan bahawa perkara-perkara itu akan diberikan perhatian yang cukup oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk tindakan yang selanjutnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu dibacakan bagi kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1989 dan 1990 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu telah disetujui tanpa pindaan. Maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53 (2), saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan [1989 dan 1990] [No.2] dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Dato' Dr. K. S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2) hendaklah diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Adam bin Kadir: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal atau Krismas bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Kristian dan Selamat Menyambut Tahun Baru kepada semua Ahli-ahli Dewan Negara dan semoga semua mendapat kebaikan bagi tahun 1991.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga 18hb Februari, 1991, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.45 petang.